

Issues in Language Studies

Volume 10 Number 2 (2021)



Faculty of Language and Communication
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak.
www.ils.unimas.my



Editorial Committee

Chief Editor	Associate Professor Dr Su-Hie Ting, Universiti Malaysia Sarawak
Managing Editor	Kai-Chee Lam, Universiti Malaysia Sarawak
Editorial Board Members	Dr Ai-Ping Ho, Unviersiti Malaysia Sarawak Dr Ernisa Marzuki, Universiti Malaysia Sarawak Dr Teresa Ong, Griffith University, Australia Dr Wan Robiah Meor Osman, Universiti Malaysia Sarawak Dr Wun-Chiew Pung, Universiti Malaysia Sarawak Jyh Wee Sew, National University of Singapore
Production Associate Editors	Humaira Raslie, Universiti Malaysia Sarawak Dr Collin Jerome, Universiti Malaysia Sarawak

Advisory Board

Emeritus Professor Roland Sussex OAM, University of Queensland, Australia
Professor Dr Kamila Ghazali, Universiti Malaya, Malaysia
Professor Dr Ralf Vollmann, Karl-Franzens-Universität Graz (University of Graz), Austria
Professor Dr Peter Sercombe, Newcastle University, UK
Associate Professor Dr Ang Lay Hoon, Universiti Putra Malaysia
Dr Kara McBride, World Learning, Washington D. C., USA
Dr Salina Jaafar, Universiti Malaya, Malaysia

Reviewers

Professor Dr Nor Hashimah Jalaluddin, Universiti Kebangsaan Malaysia
Associate Professor Dr Atipat Boonmoh, King Mongkut's University of Technology Thonburi
Dr Ng Miew Hoon, Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia
Dr Rozaimah Rashidin, Universiti Teknologi MARA Malaysia
Dr Sara Beden, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Malaysia

ISSUES IN LANGUAGE STUDIES

Issues in Language Studies is a publication of the Faculty of Language and Communication (formerly known as Centre for Language Studies), Universiti Malaysia Sarawak. The journal publishes articles on teaching, learning and the study of languages two times a year in June and December. It offers a forum for the discussion of local issues that are of global concern. It is a double-blind refereed online journal published bi-annually. Currently it is indexed by SCOPUS, Google Scholar, the Malaysian Citation Index, Directory of Open Access Journals (DOAJ) and Directory of Abstract Indexing for Journals.

When submitting the work, contributors are requested to make a declaration that the submitted work has not been published, or is being considered for publication elsewhere. Contributors have to declare that the submitted work is their own and that copyright has not been breached in seeking the publication of the work.

Views expressed by the author(s) in the article do(es) not necessarily reflect the views of the Editorial Committee.

Manuscripts can be submitted via www.ils.unimas.my

Correspondence on editorial matters should be addressed to:

Dr Su-Hie Ting
Chief Editor
Issues in Language Studies
Faculty of Language and Communication
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak
Malaysia
shting@unimas.my



All articles published in *Issues in Language Studies* are licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial-NoDerivatives 4.0 International License.

e-ISSN 2180-2726



9 772180 272003

Notes for Contributors

Manuscripts submitted to *Issues in Language Studies* should not exceed 7,000 words, including abstract, references, tables, figures and appendices.

Detailed guidelines:

Page 1: Title, author's name and affiliation, postal and e-mail address of each author. Please indicate corresponding author with an asterisk.

Page 2: Title, abstract not exceeding 200 words, 4-6 keywords. Articles not written in English should be accompanied by a title, abstract and keywords in English.

Page 3 onwards: Text in single-spacing and margins – top and bottom, left and right – should be 1.5 inches wide, Calibri 11 point.

Do not indent the first paragraph of each section. Indent the first line of subsequent paragraphs by $\frac{1}{2}$ inch.

Use the three-level headings in APA style:

Centred Uppercase and Lowercase Heading

Flush Left, Italicised, Uppercase and Lowercase Side Heading

Indented, Italicised, lowercase paragraph heading ending with a period

Quotations. Use double quotation marks to enclose quotations of fewer than 40 words. Within this quotation, use single quotation marks to enclose quoted material. Long quotations should be placed in a block which is indented $\frac{1}{2}$ inch from the left margin.

Follow APA style for table titles and headings (placed above the table) and figures and figure captions (placed below the figure). Examples:

Table 1

Types of communication strategies used across age groups

Figure 1

Frequency of communication strategy use across age groups

Do not use footnotes. If notes are unavoidable, use a numeral in superscript and list notes at the end of the article, before the References.

Follow APA style (7th ed.) for citation and referencing, with the exception of Malay names which can be spelt in full in the text and the reference list. Alternatively, you can follow the guidelines given at www.ils.unimas.my

Contents

Maksim Perbualan dan Elemen Pendidikan Dalam <i>Podcast #Notapis</i> Indirawati ZAHID Muhammad Nasri SELAMAT	1
 Refleksi Sisi Negatif Burung Gagak dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif Muhammad Zaid DAUD Nurul Aida ABDULLAH Mary Fatimah SUBET	24
 Sorotan Semula Tatabahasa Dewan Khairul Taufiq ABU BAKAR Nor Hashimah JALALUDDIN Fazal Mohamed MOHAMED SULTAN	45
 The Language Ecology of Graduate Students: An Exploration through Vocabulary Contribution Daron Benjamin LOO	65

MAKSIM PERBUALAN DAN ELEMEN PENDIDIKAN DALAM *PODCAST* #NOTAPIS

Indirawati ZAHID^{*1}

Muhammad Nasri SELAMAT²

^{1,2} Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

¹indirawati@um.edu.my

² m.nasri.selamat@gmail.com

Manuscript received 4 January 2021

Manuscript accepted 14 December 2021

**Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.2909.2021>

ABSTRAK

Maksim perbualan (MP) yang diusulkan oleh Grice (1975) bertujuan memastikan sesuatu komunikasi dapat berlangsung dengan lancar apabila MP dipatuhi. Ini tidak berlaku dalam realiti dan dibuktikan dalam *podcast* #NoTapis (#NoTapis, 2020). #NoTapis ialah satu temu bual dengan seorang doktor berkaitan COVID-19. Analisis ini mengaplikasikan metod kualitatif - muat turun, transkripsi dan analisis teks. Analisis ini mempunyai dua objektif, iaitu pertamanya, mengenal pasti kepatuhan dan ketidakpatuhan MP; dan keduanya membincangkan faktor kepatuhan MP dan korelasinya dengan elemen pendidikan, iaitu domain kognitif dan afektif dalam taksonomi Bloom (1956). Objektif ini bertitik tolak daripada pandangan Gary (2020) bahawa terdapat kandungan *podcast* yang bersifat mendidik. Kepatuhan MP didapati berkorelasi dengan domain kognitif dan afektif. Korelasi pada domain kognitif berlaku pada semua aras kecuali aras 5 manakala bagi domain afektif, korelasi berlaku pada semua aras. Pematuhan MP didapati sentiasa berkorelasi dengan aras paling rendah kepada aras yang lebih tinggi. Ini bertepatan dengan pernyataan bahawa pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan satu proses. Dalam konteks *podcast* ini, doktor berperanan sebagai “guru” manakala pendengar *podcast* merupakan “pelajar”.

Kata kunci: maksim perbualan; elemen pendidikan; *podcast*; COVID-19

CONVERSATIONAL MAXIMS AND EDUCATIONAL ELEMENTS IN PODCAST #NOTAPIS

ABSTRACT

The conversational maxims (MP) proposed by Grice (1975) aims to ensure that communication can run smoothly when the MP are observed. This does not happen in reality and was proven in the #NoTapis podcast (#NoTapis, 2020). #NoTapis is an interview with a doctor about COVID-19. This research's analysis applied qualitative methods - download, transcription and text analysis. The analysis' objectives were to identify the observance and non-observance of MP; and to discuss the observance of MP correlated to educational elements, i.e cognitive and affective domains in Bloom's (1956) taxonomy. The second objective is based on the Gary's (2020) view which stipulates that podcasts have educational content. The findings showed that the observance of MP correlated with cognitive and affective domains. Correlation in the cognitive domain occurs at all levels except on level 5 while for the affective domain correlation occurs at all levels. The observance of MP is found to always be correlated with the lowest level to the higher level of domain. These findings fits the statement that teaching and learning (PdP) is a process. In this podcast, the doctor act as the "teacher" while podcast listeners are the "students".

Keywords: conversational maxims; educational elements; podcast; COVID-19

Pendahuluan

Podcast atau audio siar (Pusat Rujukan Persuratan Melayu, 2020) merupakan program audio yang sama seperti radio (Gary, 2020) dan popular digunakan oleh generasi Z, komuniti muda pada hari ini. *Podcast* diakses dengan menggunakan peranti yang sesuai dan perlu mempunyai akses Internet. Sesuai dengan peredaran masa dan kecanggihan teknologi, akses kepada *podcast* tidak terhad dalam kalangan generasi Z sahaja sebaliknya kebanyakan generasi yang lebih awal juga kini telah mengikuti perkembangan teknologi ini. Antara peranti yang lazim digunakan untuk mengikuti program audio ini ialah komputer, telefon misalnya Iphone, telefon Android, Ipad dan tablet. *Podcast* boleh didengar melalui pelayar web (*web browser*) seperti Chrome, Safari atau Microsoft Edge. Hal ini dilakukan di komputer atau pelayar web di telefon. Sementara di Iphone pula digunakan aplikasi *podcasts* Apple manakala di telefon Android digunakan aplikasi *podcasts* Google. Dengan kata lain, *podcast* merupakan antara salah satu medium penyebaran maklumat yang digunakan pada hari ini. *Podcast* ialah istilah yang terbentuk daripada kombinasi dua kata melalui proses *blends* (Crystal, 2008) atau *portmanteau*, iaitu kata *iopod* dan *broadcast* (Patterson, 2006).

Podcast kebanyakannya didapati dalam bentuk audio walau bagaimanapun terdapat juga *podcast* dalam bentuk video (Gary, 2020). *Podcast* dalam bentuk video dikenali dengan nama *vodcast*. Sehubungan dengan itu, penyataan Gary (2020) ini selari

dengan definisi *podcast* oleh Dictionary.com (2020), iaitu fail rakaman audio atau video digital yang lazimnya merupakan sebahagian daripada siri yang mempunyai tema, boleh dimuat turun daripada laman web ke pemain media atau komputer. Menurut McGivern (2020) terdapat lima jenis *podcast* yang dinamakan berdasarkan ciri-cirinya, iaitu *audio podcasts*, *video podcasts*, *enhanced podcasts*, *podcast novels* dan *pdf/ePub podcasts*. Kandungan *podcast* bersifat menghiburkan, mendidik atau memberikan inspirasi kepada penggunanya dalam kehidupan yang berlatarbelakangkan aktiviti lain yang membosankan atau rutin kehidupan yang sama dan berulang (Gary, 2020). Kandungan *podcast* boleh dimuat turun, disimpan dan didengar atau ditonton pada bila-bila masa sahaja oleh penggunanya secara luar talian (*offline*).

Kandungan *podcast* yang mempunyai pelbagai sifat dan antaranya adalah bertujuan mendidik menjadi titik tolak kepada analisis maksim perbualan (MP) dan elemen pendidikannya dalam episod yang telah dikenal pasti, iaitu berkaitan COVID-19. MP dan elemen pendidikan didapati saling berkaitan kerana MP oleh Grice (1975) menekankan keberkesanan komunikasi bertujuan pencapaian objektif dan dalam konteks *podcast* yang dianalisis, objektif yang dirujuk ialah pendidikan berkaitan COVID-19. Maklumat COVID-19 dalam medium ini disampaikan secara santai oleh hos *podcast* dengan mengambil kira maklumat penting yang perlu disampaikan kepada pendengarnya melalui penyediaan soalan-soalan berdasarkan papan cerita. Papan cerita mempunyai beberapa fungsi yang antara lainnya membantu penentuan parameter cerita dalam sumber yang ditentukan dalam tempoh yang ditetapkan, menentukan aturan, fokus cerita dan mengenal pasti medium yang akan digunakan bagi setiap satu bahagian cerita tersebut (Advanced Media Institute, 2020). Lanjutan itu, analisis perbualan yang bersifat soal jawab ini berfokus kepada kepatuhan maksim perbualan Grice (1975) yang dikorelasikan dengan taksonomi Bloom domain kognitif dan afektif (Anderson & Krathwohl, 2001). Dalam konteks ini pendengar *podcast* merupakan “pelajar” yang mendapat pendidikan berkaitan topik COVID-19.

Sorotan Kajian

Prinsip kerjasama yang diusulkan oleh Grice (1975) bagi menandakan kualiti komunikasi telah dilakukan pada aspek kepatuhan dan ketidakpatuhan MP dengan menggunakan pelbagai korpus. Tujuannya adalah untuk membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi kepatuhan dan ketidakpatuhan yang berlaku. Sungguhpun korpus analisis yang digunakan pelbagai, dapatan tidak memperlihatkan perbezaan yang signifikan. Kepatuhan MP sering kali berasosiasi dengan isu yang diperkatakan dalam sesi bual bicara, forum dan sebagainya yang dikawal oleh moderator dengan kewujudan papan cerita dalam sesuatu rancangan. Sebaliknya, dapatan ketidakpatuhan MP pula lebih bersifat rentas antaranya atas faktor mempunyai agenda tertentu, kesantunan dan sebagainya. Oleh itu aspek ini menjadi tumpuan kajian antaranya oleh Muhammad dan Karim (2019), Aisyah dan Fitrawati (2019), Hamani dan Puluhulawa (2019), Awwad et al. (2019), Hasan et al. (2020) dan Zahid (2020).

Muhammad dan Karim (2019) melakukan kajian yang bermatlamat mendapatkan jawapan kepada kaitan kepatuhan dan ketidakpatuhan MP dalam bahasa. Dua korpus temu bual yang berbeza digunakan, iaitu set pertama bertemakan politik dan keduanya, bertemakan hiburan. Temu bual pertama melibatkan tokoh Barrack Obama dan Donald Trump manakala data hiburan melibatkan Lady Gaga dan Brad Pitt. Dapatan kajian ini memperlihatkan kepatuhan dan ketidakpatuhan MP berlaku dalam kedua-dua korpus. Walau bagaimanapun kepatuhan MP didapati lebih banyak berlaku dalam temu bual bertemakan hiburan sebaliknya yang bertemakan politik. Ketidakpatuhan maksim kuantiti dan cara dalam temu bual politik berpunca daripada agenda rahsia dan keengganan ahli politik tersebut menjawab setiap pertanyaan dengan lengkap dan jelas seperti mana kehendak soalan.

Penggunaan korpus temu bual ahli politik kelihatan menjadi minat para pengkaji dan ini tidak terkecuali dengan Aisyah dan Fitrawati (2019). Kajian yang dilakukan berfokus kepada pelanggaran MP oleh ahli politik dalam dua episod temu bual. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti jenis dan faktor pelanggaran MP yang disebabkan oleh ujaran tak langsung. Dapatan kajian menemukan bahawa ahli politik cenderung melakukan pelanggaran maksim kuantiti diikuti dengan maksim cara bertitik tolak daripada dua alasan utama, iaitu mempertingkat kekuatan mesej dan kesantunan.

Korpus filem juga didapati antara korpus yang popular dikaji. Hamani dan Puluhulawa (2019) serta Hasan et al. (2020) misalnya menggunakan korpus filem “*Kungfu Panda*” dan “*Dayang Senandong*” dalam kajian mereka. Kedua-dua kajian ini memperlihatkan dapatan yang sama, iaitu pelanggaran MP berlaku dalam kedua-dua filem yang dikaji. Pelanggaran maksim kuantiti cenderung dilakukan dalam filem “*Kungfu Panda*” dengan dua tujuan, iaitu pertamanya pemberian maklumat melebihi keperluan bagi tujuan kejelasan maklumat dan keduanya berlaku kekurangan maklumat yang diberikan. Sementara dapatan kajian dalam filem “*Dayang Senandong*”, pelanggaran MP disebabkan oleh nilai kehalusan berbahasa masyarakat Melayu, iaitu dengan penggunaan implikatur.

Sementara itu, kajian oleh Awwad et al. (2019) memperlihatkan kelainan, iaitu mengkaji dapatan kajian oleh para pengkaji sebelumnya berkaitan aplikasi pencabulan MP. Rumusan yang diperoleh, ketidakpatuhan MP berlaku dalam konteks kehidupan seperti sastera, agama, humor dan jenaka secara lisan, konteks bertulis dan konteks lain berpunca daripada pengabaian keaslian, jumlah, kesesuaian dan cara maklumat yang disediakan pada setiap giliran perbualan.

Terkini, kajian oleh Zahid (2020) menggunakan data temu bual dengan seorang mantan ahli politik berkaitan faktor kemenangan sebuah parti politik dalam pilihan raya. Kajian ini menemukan ketidakpatuhan MP yang bertujuan memberikan penjelasan, membuat penegasan, melahirkan rasa tidak puas hati atau marah tentang sesuatu isu dan berkata benar. Ketidakpatuhan MP ini didapati tidak menjelaskan keberkesanan komunikasi berdasarkan lima faktor, iaitu latar belakang khalayak, isu semasa, budaya, konteks komunikasi dan wibawa interlokutor.

Kepelbagaiannya data yang analisis memaparkan kepatuhan serta ketidakpatuhan dalam realiti kehidupan dan penemuan ini didapati hampir sama dalam semua kajian.

Oleh itu, objektif dan dapatan seperti ini memperlihatkan berlakunya jurang kajian MP yang mengaitkannya dengan aspek lain. Lanjutan itu, kajian yang dilakukan ini cuba merapatkan jurang yang berlaku dengan menganalisis kepatuhan MP dan korelasinya dengan taksonomi Bloom (1956), domain kognitif dan afektif (Krathwohl et al., 1964) dalam *podcast* yang bersifat mendidik.

Objektif Kajian

Analisis yang dilakukan ini mempunyai dua objektif:

1. Mengenal pasti kepatuhan dan ketidakpatuhan maksim perbualan dalam *podcast* #NoTapis.
2. Membincangkan faktor kepatuhan maksim perbualan dan korelasinya dengan elemen pendidikan dalam *podcast* #NoTapis.


Bahan Kajian

Kajian ini menganalisis *podcast* #NoTapis yang disiarkan di platform Spotify dan diterbitkan oleh Berita Harian Singapura (BHS). *Podcast* #NoTapis mula dilancarkan pada 21 Jun 2019 (SPH Media Solutions, 2019). Penerbitan *podcast* ini bertujuan mendekati komuniti muda Melayu dan berbicara di hati mereka tentang topik yang berpusat di sekitar minat masyarakat Melayu termasuk agama, gaya hidup dan wawancara selebriti. #NoTapis mempunyai sejumlah episod yang disiarkan pada tahun 2020. Episod yang menjadi fokus analisis ialah episod yang berjudul “Dr Elly Sabrina - Kupas Wabak Koronavirus Wuhan”. Episod ini disiarkan pada 1 Februari 2020 dan berdurasi 68 minit. Episod ini dipilih atas faktor isu semasa dan medium baharu yang digunakan dalam mendekati anggota masyarakat. Episod ini melibatkan soal jawab dua orang hos dan seorang tetamu jemputan, iaitu E yang merupakan seorang doktor. Analisis berfokus kepada ujaran E dalam struktur isi dan perbincangan dapatan hanya terhad kepada tiga peristiwa bahasa. Pengehadan ini dilakukan atas dua faktor, iaitu kerana struktur dan kesinambungan maklumat memperlihatkan kesamaan dapatan aspek pematuhan dan ketidakpatuhan dalam kajian-kajian lain sebelum ini dan bertujuan membuka ruang perbincangan pada sisi yang berkaitan korelasi pematuhan MP dengan elemen pendidikan (Gary, 2020). Bagi tujuan keseragaman, istilah COVID-19 digunakan, iaitu nama yang diberikan oleh World Health Organization (WHO) pada 11 Februari 2020 (World Health Organization, 2020a). Hal ini bertitik tolak daripada julat perbezaan tempoh semasa *podcast* ini berlangsung dan semasa analisis ini dilakukan, iaitu sebelum nama khusus diberikan kepada penyakit ini. COVID-19 diisyiharkan sebagai pandemik oleh WHO pada 11 Mac 2020 (World Health Organization, 2020b).

Metodologi

Kajian ini mengaplikasikan metod kualitatif. Metod ini mencakupi muat turun, ulang dengar, transkripsi dan analisis teks. Perincian metod dipaparkan dalam Rajah 1 berikut:

Rajah 1
Metod kajian



Petunjuk

→ Korelasi ∅ tidak berkenaan

Rincian pelabelan data ujaran dengan kod pada Langkah 3, misalnya PB2IYU3I merujuk kepada PB, peristiwa bahasa kedua; I, struktur isi; Y, hos bernama Suhaimi; dan U, ujaran; dan angka, bilangan ujaran berdasarkan kronologi. Manakala klasifikasi MP Grice

(1975) dalam Langkah 4 ialah pelabelan kod bagi kepatuhan MP, iaitu K bagi kuantiti; Q bagi kualiti; H, bagi hubungan; dan C, bagi cara. Sementara itu, ketidakpatuhan MP dilabelkan dengan L sebagai pelanggaran; V, pencabulan; O, pilihan keluar; J, penjejasan dan G, penggantungan. Korelasi MP dan Taksonomi Bloom hanya berfokus kepada kepatuhan MP bertujuan membuktikan elemen pendidikan dalam podcast.

Kerangka Teoritis

Prinsip kerjasama (PK) oleh Grice (1975) memperlihatkan empat MP yang diyakini merupakan perlakuan standard yang perlu ada semasa komunikasi berlaku. Perlakuan standard ini menurut Davies (2007) ialah anggapan umum bahawa komunikasi tersebut benar dari aspek jumlah pemilikan maklumat, relevan dan dapat mengungkapkan sesuatu yang dapat difahami semasa menghasilkan dan mendengar ujaran. Jadual 1 memaparkan MP oleh Grice (1975) yang disesuaikan daripada perbincangan Zahid (2018).

Jadual 1

Maksim Perbualan

Maksim Kuantiti (informatif)	Maksim Kualiti (kebenaran)	Maksim Hubungan (relevan)	Maksim Cara (kejelasan)
a. Pastikan sumbangan anda bersifat informatif seperti yang diperlukan.	a. Jangan bercakap sesuatu yang palsu /tidak benar.	a. Pastikan berkaitan /relevan.	a. Elakkan kekaburan. b. Elakkan ketaksaan. c. Ringkas (elakkan lewah).
b. Jangan jadikan sumbangan anda lebih informatif daripada apa yang diperlukan.	b. Jangan bercakap sesuatu yang kurang bukti.		d. Pastikan teratur.

Nota. Disesuaikan daripada “Logic and Conversation” oleh H. P. Grice, 1975, *Syntax and Semantics, Volume 3*, 45-47. Academia Press.

Jadual 1 memperlihatkan empat MP dan kata kunci yang diwakilinya, iaitu maksim kuantiti bersifat informatif, maksim kualiti bersifat kebenaran, maksim hubungan

bersifat relevan, dan maksim cara bersifat kejelasan. Kesemua kata kunci ini mempunyai ciri-ciri yang mesti dipatuhi oleh interlokutor bagi memastikan komunikasi berkesan berlangsung. MP yang diusulkan ini bersifat ideal dan situasi ini tidak selalunya berlaku dalam realiti komunikasi. Sehubungan dengan itu, Grice telah mengenal pasti lima jenis ketidakpatuhan yang berlaku, iaitu pelanggaran, pencabulan, pilihan keluar, penjejasan dan penggantungan maksim. Kelima-lima ketidakpatuhan ini boleh berlaku kepada mana-mana satu MP yang diusulkan. Secara ringkas dipaparkan ketidakpatuhan maksim perbualan oleh Grice yang dibincangkan oleh Zahid (2020, hlm. 39-40):

1. Pelanggaran MP berlaku dengan kesedaran atau pengetahuan interlokutor. Contohnya, dalam ujaran, "Pekan merupakan ibu negeri Johor". Penyataan ini merupakan pelanggaran MP kualiti, iaitu tidak benar dalam konteks maklumat nama ibu negeri.
2. Pencabulan maksim berlaku apabila interlokutor sememangnya berniat atau sengaja tidak mematuhi MP untuk menimbulkan salah faham atau dilakukan atas tujuan tertentu. Contohnya, pembohongan nilai harga barang yang dibeli, iaitu harga barang sebenar tidak dimaklumkan bertujuan mengelakkan hukuman atau dipersalahkan. Penyataan sebegini merupakan pencabulan maksim kualiti.
3. Pilihan keluar maksim berlaku apabila interlokutor memilih keluar daripada MP dengan menggunakan frasa yang menyingkirkan atau mengurangkan kesan maksim dan memberikan isyarat kepada penerima misalnya dalam contoh ujaran "saya tidak dapat komen", pada soalan yang diajukan kepadanya.
4. Penjejasan maksim berlaku apabila interlokutor kurang pengetahuan atau kemahiran bertutur sesuatu bahasa, rasa cemas, keterujaan dan sebagainya yang menyebabkan gangguan kepada prestasi interlokutor.
5. Penggantungan maksim berlaku apabila interlokutor menjangkakan ketidakperluan pematuhan pada maksim kerana ia tidak menghasilkan implikatur. Contohnya, upacara pengkebumian dan perkahwinan, lazimnya ujaran pujian diberikan kepada individu yang dirujuk dalam kedua-dua upacara tersebut.

Jadual 2 menunjukkan pula secara ringkas taksonomi Bloom (1956) bagi domain kognitif serta taksonomi Bloom (Krathwohl et al., 1964) bagi domain afektif dan aras-arasnya (Anderson & Krathwohl, 2001).

Analisis MP Grice akan mencakupi kepatuhan dan ketidakpatuhan MP. Hanya kepatuhan MP dikorelasikan dengan aras-aras dalam domain kognitif dan afektif seperti dalam Jadual 2. Domain kognitif melibatkan perkembangan kemahiran mental dan pemerolehan pengetahuan manakala domain afektif melibatkan perasaan, emosi dan sikap (Hoque, 2016). Dalam konteks ini, korelasi yang dipaparkan merupakan pengabsahan kepada elemen pendidikan yang wujud dalam korpus. Hal ini bererti setiap satu pematuhan MP didapati berkadar selari dengan mana-mana satu aras dalam domain kognitif dan afektif yang dibincangkan. Oleh kerana situasi yang berbeza

daripada konteks realiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di institusi pengajian, korelasi antara objektif PdP dan hasil pembelajaran dalam medium *podcast* tidak dinilai.

Jadual 2

Domain Kognitif dan Domain Afektif

Domain Kognitif

1. Mengingat
2. Memahami
3. Mengaplikasi
4. Menganalisis
5. Menilai
6. Mencipta

Domain Afektif

1. Menerima
2. Merespons
3. Menilai
4. Mengorganisasi
5. Menghayati

Dapatan

Analisis ujaran soal jawab hos dan E, tetamu undangan terbukti mempunyai papan cerita, iaitu tertib perbincangan topik berkaitan COVID-19. Perbincangan dimulai dengan maklumat umum berkaitan dengan organisme penyebab sehingga kepada keperluan anggota masyarakat mengambil tahu akan perkembangan maklumat semasa berkaitan virus Novel ini. Analisis menemukan kepatuhan dan ketidakpatuhan MP dalam episod ini. Kepatuhan MP memperlihatkan korelasi dengan aras-aras tertentu daripada domain kognitif dan afektif taksonomi. Korelasi yang berlaku ini dapat dikenal pasti melalui setiap satu respons yang diberikan oleh E kepada persoalan yang dibangkitkan. Antara respons yang diberikan misalnya berkaitan istilah umum bagi virus dan bakteria yang berkorelasi dengan aras mengingat dan memahami dalam domain kognitif; serta simptom-simptom COVID-19 yang memperlihatkan korelasi menerima dan menghayati maklumat dalam domain afektif. Hubungan yang berlaku ini membuktikan pernyataan Gary (2020) bahawa terdapat kandungan *podcast* yang bersifat mendidik. Analisis memperlihatkan tidak berlakunya ketidakpatuhan pencabulan, pilihan keluar, penjejasan dan penggantungan.

Perbincangan berkaitan COVID-19 menjadi antara topik yang sentiasa dibincangkan sepanjang tahun 2020 bermula daripada statusnya sebagai epidemik sehingga diisyiharkan sebagai pandemik oleh WHO pada 11 Mac 2020 (Intermountain Healthcare, 2020; World Health Organization, 2020b). Tahap keseriusan penyakit ini menyebabkan anggota masyarakat mesti disedarkan akan peranan mereka bagi menyekat penularan penyakit ini melalui kaedah memberikan pendidikan.

Pendidikan yang dimaksudkan ialah penerangan berkaitan dengan penyakit yang baharu sahaja merebak dalam kalangan anggota masyarakat. Dalam konteks #NoTapis pematuhan kepada MP ternyata memperlihatkan PdP antara seorang doktor dan khalayak pendengarnya melalui medium *podcast*. PdP disampaikan melalui jawapan kepada soalan yang dikemukakan oleh hos. Tindakan memberikan didikan melalui jawapan kepada soalan yang dikemukakan bukanlah merupakan sesuatu yang baharu. Tindakan yang sama dilakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2020a) dalam segmen berjudul “Soalan Lazim Penyakit Novel Coronavirus (COVID-19)” dalam bentuk dokumen pdf setebal 128 halaman. Spesifik kepada kandungan dokumen ini, soalan bernombor 39 menyatakan peranan anggota masyarakat dalam pencegahan COVID-19 melalui Cegah, Amal, Patuhi, Pantau, iaitu “CEGAH COVID-19” dengan mendidik keluarga serta komuniti dalam kehidupan norma baharu.

Dapatan dipaparkan dalam bentuk jadual dengan setiap satu jadual memuatkan soal jawab yang berlangsung. Terdapat beberapa jadual yang memperlihatkan celahan ujaran yang berlaku antara jawapan-jawapan yang diberikan. Celahan yang tidak relevan berkaitan dengan soalan dipaparkan dengan ruangan yang digelapkan. Sementara celahan yang relevan dipaparkan tanpa pelabelan jenis ujaran (JU). Petunjuk standard singkatan yang digunakan dalam kandungan jadual analisis MP dipaparkan hanya sekali, iaitu selepas Jadual 3. Hal ini bertujuan mengelakkan perulangan maklumat.

Jadual 3 merupakan paparan soal jawab berkaitan maklumat perbezaan istilah virus, *microbes* dan bakteria dalam bidang perubatan. Soalan pertama yang dikemukakan ini bermanfaat kepada pendengar kerana sering kali istilah ini tidak diketahui secara rinci oleh anggota masyarakat kecuali yang sering kali didengar, iaitu istilah virus dan bakteria yang terbahagi kepada dua, iaitu bakteria baik dan bakteria jahat (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2017). Hal yang sebaliknya bagi istilah *microbes*. Jadual 3 memperlihatkan hos meminta definisi istilah virus, *microbes* dan bakteria dalam bidang perubatan. Merujuk pada konteks ini hos ternyata telah menyusun maklumat yang dikehendaki dengan jelas. Walau bagaimanapun, sebaliknya telah berlaku pada jawapan E. Pada aras permukaan, jawapan yang diberikan oleh E, PB2IEU2 didapati tidak menurut susunan penjelasan yang diminta oleh hos. E didapati menyusun jawapan yang diberikan bertepatan dengan kepakarannya dalam ilmu perubatan. E menjelaskan bahawa daripada ketiga-tiga istilah yang ditanyakan tersebut, *microbes* ialah istilah umum yang mewakili kesemua organisme, iaitu virus dan bakteria yang dirujuk oleh hos. Penjelasan oleh E ini mematuhi MPK dan MPQ yang masing-masingnya bersifat informatif dan benar. Hal yang sama berlaku pada penyataan E dalam PB2IEU3 dengan penambahan maklumat yang mematuhi MPQ berkaitan etimologi istilah *microbes* yang berasosiasi dengan peralatan yang digunakan untuk melihat organisma tersebut. Penjelasan E bagi kedua-dua ujaran PB2IEU2 dan PB2IEU3 juga didapati mematuhi MPH dan MPC, iaitu masing-masingnya merujuk kepada kerelevan maklumat dengan isu yang dibincangkan dan penyampaiannya yang jelas dengan penggunaan bahasa kolokial. Dalam usaha E menambah jelas pemahaman maklumat kepada pendengar, E juga didapati melakukan ketidakpatuhan MP apabila mengulang-ulang maklumat yang sama dalam penjelasan yang diberikan. Perulangan maklumat dapat dilihat pada

PB2IEU3 dan PB2IEU4 berkaitan dengan nama *microbe*. Ketidakpatuhan yang berlaku pada kedua-dua ujaran ini ialah pelanggaran MPK, iaitu unsur lewah. PB2IEU4 didapati mematuhi MPQ dan MPH.

Jadual 3

Persoalan Istilah

JU	PB	Ujaran	Kepatuhan MP	Ketidakpatuhan MP							
			K X	Q X	H X	C X	L X	V X	O X	J X	G X
S	PB2IYU3	... pertama ... virus, microbes, bakteria ...									
J	PB2IEU2	Microbes ... term general... organisma ... boleh, ... dilihat ... alat microscope.	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X
J	PB2IEU3	Sebab tu ... panggil Microscope, microbe.	X	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X
J	PB2IEU4	Atau microscopic organism. ... boleh dilihat ... microscope.	X	✓	✓	X	✓	X	X	X	X
J	PB2IEU5	... microbe... ada macam-macam jenis bakteria, ... jenis virus, ... jenis parasit.	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X
J	PB2IEU6	Yang penting ..., virus ... lebih kecil daripada bakteria.	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X
	PB2IYU13	Oh!	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB2IEU7	Lebih kecil. ... sebelum wabak Wuhan ... bingung mengenai ubat seperti antibiotik.	X	✓	✓	X	✓	X	X	X	X
J	PB2IEU8	Antibiotik ... untuk ... bakteria.	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X
J	PB2IEU9	... tidak menangani virus. ... tak bermakna anda batuk, seselema ... mesti makan antibiotik.	X	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X

Petunjuk

JU	Jenis ujaran	S	Soalan	J	Jawapan	PB	Peristiwa bahasa
...	Elipsis	MP	Maksim	K	Kuantiti	Q	Kualiti
			Perbualan				
H	Hubungan	C	Cara	L	Pelanggaran	V	Pencabulan
O	Pilihan	J	Penjejasan	G	Penggantungan	✓	Aplikasi
X	keluar						
X	Tidak						
	aplikasi						

Sehubungan dengan maklumat *microbes*, E, dalam PB2IEU5 menjelaskan penjenisan *microbes*, iaitu virus, bakteria dan parasit. E didapati mematuhi keempat-empat MP, iaitu masing-masingnya berkaitan informatif, benar, relevan dan disampaikan dengan jelas oleh E berkaitan kewujudan jenis *microbe* ini. Penyataan E disusuli dengan penjelasan bahawa saiz virus yang lebih kecil daripada bakteria dalam PB2IEU6. Maklumat ini penting kerana E membezakan antara dua sifat *microbe* ini. PB2IEU6 didapati mematuhi keempat-empat MP, iaitu bersifat informatif, benar serta penjelasan E yang relevan dan jelas, iaitu berkesinambungan dengan soalan PB2IYU3

yang dikemukakan pada peringkat awal walaupun terdapat lima celahan telah berlaku sebelum ini.

Sementara itu, PB2IEU7 memperlihatkan E melakukan pelanggaran MPK kerana mengulang maklumat berkaitan saiz virus. Pelanggaran ini didapati berpunca daripada celahan yang berlaku sebelumnya, iaitu hos mengujarkan kata seruan *Oh!* dalam PB21YU13 yang menandakan kehairanan dalam konteks ini. Pelanggaran MPK dalam konteks ini mempunyai fungsi pragmatik penegasan maklumat dan menghapuskan ketidakpastian (Kumar, 2019). E dalam ujaran yang sama kemudiannya menghubungkan maklumat yang disampaikan dengan kekeliruan anggota masyarakat dengan sejenis ubat, iaitu antibiotik. Penyataan ini mematuhi MPQ dan MPH berdasarkan pengalaman E sebagai pengamal perubatan apabila berdepan dengan pesakit. Penegasan E dalam PB2IEU8 mematuhi keempat-empat MP manakala PB2IEU9 mematuhi MPQ, MPH dan MPC, iaitu bersifat benar, relevan dan jelas bahawa antibiotik digunakan untuk menangani bakteria dan tidak berkesan dalam menangani jangkitan virus seperti penyakit batuk, selsema dan sebagainya. Penyataan E didapati selari dengan maklumat Kementerian Kesihatan Malaysia (2014) dan hantaran terkini dalam laman Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia (2020b) yang menyatakan bahawa 85% daripada demam dan selsema disebabkan oleh jangkitan virus dan kedua-dua penyakit ini tidak memerlukan antibiotik. E didapati melakukan pelanggaran MPK apabila mengulang maklumat yang sama dalam bentuk parafrasa, iaitu “... tidak menangani virus ...” dalam PB2IEU9.

Sementara itu, Jadual 4 memperlihatkan kesinambungan maklumat berkaitan antibiotik yang disalahgunakan oleh pesakit.

Jadual 4
Persoalan Antibiotik

JU	PB	Ujaran	Kepatuhan MP					Ketidakpatuhan MP			
			K	Q	H	C	L	V	O	J	G
S	PB21YU14	Betul Jadi Dr selalu dapat ni lah.	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB2IEU10	Ni masalah yang.	X	X	X	X	✓	X	X	X	X
	PB21YU15	Pesakit yang minta ...	X	X	X	X	X	X	X	X	X
	PB21YU16	Antibiotik.	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB2IEU11	Antibiotik ... sakit, saya demam. ... batuk, ... kita menyalahgunakan antibiotik sampai peluru emas ini tak boleh digunakan. Banyak tak boleh digunakan untuk melawan bakteria.	X	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X

Lanjutan daripada isu penggunaan antibiotik dalam pengubatan penyakit, E dalam PB2IEU10 menyatakan masalah yang dihadapi dengan ujaran yang tergantung sifatnya. Ujaran ini memperlihatkan pelanggaran MPC, iaitu kekaburuan maklumat kepada pendengar yang tidak mengetahui kesinambungan maklumat yang ingin disampaikan sementelahan pula ujaran tersebut terus diikuti celahan ujaran oleh hos, PB21YU15, celahan tidak relevan dan celahan penyataan antibiotik pada PB21YU16. E dalam PB2IEU11 menjelaskan situasi pesakit yang menyalahgunakan antibiotik untuk

mengubati penyakit yang berpunca daripada jangkitan virus. Penyakit yang berpunca daripada jangkitan virus antaranya ialah demam biasa, selesema dan bronkitis akut. Sementara itu, penyalahgunaan antibiotik akan menyebabkan berlakunya kerintangan antibiotik, iaitu situasi antibiotik yang hilang keupayaan untuk membunuh bakteria (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2014). Maklumat ini dinyatakan oleh E, dalam bahasa kolokial, iaitu "... sehingga peluru emas ini tidak boleh digunakan." dan "Banyak tak boleh digunakan untuk melawan bakteria". Penggunaan bahasa kolokial dengan analogi "peluru emas" untuk antibiotik merujuk kepada sesuatu yang sangat berharga yang fungsinya bersasar mematikan bakteria. Sehubungan dengan itu, "peluru emas" ini seharusnya tidak digunakan secara sewenang-wenangnya. Dalam konteks ini, E mewujudkan situasi bebas gangguan semantik kepada pendengar *podcast*. Gangguan semantik akan berlaku sekiranya E menggunakan jargon dalam bidang perubatan, iaitu kerintangan antibiotik sepertimana penerangan dalam Kementerian Kesihatan Malaysia (2014) dan laman *Facebook* Kementerian Kesihatan Malaysia (2020b). PB2IEU11 memperlihatkan pematuhan MPQ, MPH dan MPC, iaitu benar, relevan dan jelas berkaitan maklumat yang dinyatakan. Walau bagaimanapun PB2IEU11 memperlihatkan pelanggaran MPK, iaitu perulangan maklumat yang sama, sepertimana kandungan maklumat pada ujaran PB2IEU9 dalam Jadual 3. Perulangan ini dirujuk sebagai unsur lemah dan bertujuan penegasan dan pengesahan maklumat. Menurut Kumar (2019) pengesahan maklumat merupakan antara fungsi pragmatik perulangan dalam tuturan spontan dan dalam konteks ini, E mengesahkan maklumat yang dinyatakan oleh hos dalam PB2IYU15 dan PB2IYU16.

Kesinambungan maklumat seterusnya berkaitan dengan penularan wabak dalam kalangan anggota masyarakat seperti Jadual 5.

Jadual 5

Persoalan Penularan Wabak

JU	PB	Ujaran	Kepatuhan MP					Ketidakpatuhan MP				
			K	Q	H	C	L	V	O	J	G	
	PB2IEU12	Jadi saya akan. Ini andaian yang amat tepat ... wabak Wuhan ... menular melalui droplets ... kan ... air ludah kan.	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	
S	PB2IYU18	Cecair?	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
J	PB2IEU13	Cecair, tak cair.	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X	
	PB2IRU9	Air ludah, air ludah.	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
J	PB2IEU14	Cecair, ... macam-macam ... daripada badan	✓	✓	✓	X	✓	X	X	X	X	
	PB2IYU19	Nangis, hingus dan beberapa beberapa yang sewaktu dengannya.	X	X	X	X	X	X	X	X	X	
J	PB2IEU15	... menular daripada droplets ... mengurangkan penularan ... digalakkan untuk mungkin ... batuk, selesema ... memakai pelitup udara	X	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	
	PB2IYU20	Okay, okay.	X	X	X	X	X	X	X	X	X	

Peristiwa bahasa PB2IEU12 memperlihatkan E memulakan penerangannya dengan ujaran yang tidak gramatis, iaitu ujaran tergantung yang kemudiannya diikuti dengan E

menyatakan punca penularan wabak dengan frasa “andaian yang amat tepat”. Dalam konteks ini, kata “andaian” yang bermaksud anggapan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015) tidak diklasifikasikan sebagai pelanggaran MPQ kerana semasa temu bual *podcast* ini berlangsung, COVID-19 masih lagi baharu dalam persekitaran masyarakat dan maklumat yang diperoleh masih belum banyak. Sehubungan itu, penggunaan frasa “andaian yang amat tepat” bersesuaian dengan situasi semasa dan dalam masa yang sama mematuhi MPK kerana bersifat informatif. Penyataan E ini selari dengan konsep penyiasian majmuk (Prince et al., 1982; Salager-Meyer, 1995), iaitu berkaitan dengan tahap ketidakpastian mengenai kandungan perkara yang diperkatakan sekali gus juga menggambarkan sejauh mana penglibatan penutur terhadap isu yang diperkatakan dalam komunikasi. PB2IEU12 juga mematuhi MPH dan MPC kerana maklumat yang dibincangkan relevan dan jelas perkongsian maklumatnya berhubung dengan kaedah penularan yang berlaku, iaitu melalui *droplets* dan air ludah.

Selanjutnya, E menjelaskan dengan lebih spesifik berkaitan soalan hos PB2IYU18 bahawa penularan boleh berlaku melalui cecair dan bukan cecair dalam PB2IEU13 yang sekali gus mematuhi keempat-empat MP yang dibincangkan oleh Grice (1975). Penjelasan E diperkuuh oleh hos dalam PB2IRU9 yang merujuk kepada penjelasan E sebelum ini, iaitu air ludah. Walau bagaimanapun E, dalam PB2IEU14 menambah jelas maklumat ini bahawa konsep cecair yang dirujuk tersebut lebih luas dan umum, iaitu apa-apa sahaja yang dikeluarkan oleh badan dan tidak terhad kepada air ludah. Walaupun E mematuhi MPK, MPQ dan MPH dan memperbetulkan maklumat hos, E didapati tidak mematuhi MPC, iaitu merujuk kepada maklumat yang kabur untuk pengetahuan masyarakat kerana cecair yang dikeluarkan daripada badan manusia tidak dijelaskan dan E didapati tidak menghuraikan frasa “tak cecair” yang dinyatakannya pada PB2IEU13. Bertitik tolak daripada PB2IEU14, hos membuat kesimpulan dalam PB2IYU19 bahawa cecair yang dirujuk ialah seperti air mata, hingus dan sebagainya.

Selanjutnya PB2IEU15 pula, memperlihatkan kaedah menyekat penularan wabak dengan penggunaan pelitup muka. Maklumat ini didapati mematuhi MPQ, MPH dan MPC, iaitu benar, relevan dan jelas walaupun E didapati menggunakan frasa “mungkin” dalam penyataan keperluan memakai pelitup muka kepada individu yang batuk dan selesema. Penggunaan frasa “mungkin” memaparkan konteks yang sama sepertimana PB2IEU12 kerana semasa temu bual berlangsung, maklumat berkenaan COVID-19 belum begitu diketahui umum. Penyataan E dalam konteks ini bertepatan dengan konsep penyiasian kebolehlaksanaan perisai (*plausibility shields*) yang membantu penutur menafikan tanggungjawab berkaitan sesuatu kebenaran dalam ujaran yang dinyatakan (Gribanova & Gaidukova, 2019). Sementara itu, pelanggaran MPK berlaku kerana E mengulang maklumat yang sama berkaitan cara penularan dan ini tidak menjejaskan keberkesanan komunikasi (Zahid, 2020) kerana bertujuan penegasan, pengesahan dan penjelasan maklumat.

Perbincangan selanjutnya berkembang kepada persoalan yang spesifik berkaitan virus korona seperti paparan dalam Jadual 6.

Jadual 6*Persoalan Virus Korona*

JU	PB	Ujaran	Kepatuhan MP					Ketidakpatuhan MP			
			K	Q	H	C	L	V	O	J	G
S	PB3IYU23	Virus ni lebih bahaya daripada bakteria?	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB3IEU16	Tidak.	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X
S	PB3IYU24	Sama juga perangai dia?	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB3IEU17	Virus ... ada macam-macam ... Ada virus. Virus korona ni ada macam-macam. Sekarang ... ni ada 6 macam. Yang 4 macam tu yang selalu kita ada lah, yang batuk, selsema tu kan.	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X
	PB3IYU25	Okay	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB3IEU18	Tu semua virus juga. Virus biasa. ... yang ni ... walaupun tak ada ubat untuk menanganinya....mereka yang sihat akan ..., sembuhlah.	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X
	PB3IYU26	Daya ketahanan diri mereka bagus.	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB3IEU19	Daya ketahanannya. ... ada koronavirus yang lebih merbahaya. Sebelum novel Koronavirus ni, kita tahu.	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X
S	PB3IRU13	Mers?	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB3IEU20	Sars virus dan juga Mers.Jadi lepas ni, ... kita dapatti yang baru ni lah. ... dipanggil Novel.... Novel.	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X

Jadual 6 memperlihatkan E secara ringkas menjawab persoalan hos dalam PB3IYU23 berkaitan tahap bahaya virus korona berbanding dengan bakteria. Jawapan E didapati mematuhi keempat-empat MP. Jawapan tersebut menjadi titik tolak pertanyaan berkaitan sifat virus dan E, dalam PB3IEU17 didapati tidak menjawab soalan tersebut secara langsung sebaliknya menjelaskan tentang bilangan jenis virus. Penyataan jenis-jenis virus ini merupakan jawapan berimplikatur. Bagi penutur natif, implikatur ini didapati mematuhi keempat-empat MP, iaitu bersifat informatif, benar, relevan dan jelas bahawa sifat virus tersebut adalah berbeza. Dapatkan ini ternyata selari dengan penemuan Hasan et al. (2020), iaitu penggunaan ujaran berimplikatur ini sering kali berkaitan dengan khalayak sasaran yang merupakan penutur natif. Ujaran yang berikutnya, E menyatakan bahawa sehingga kini terdapat enam jenis virus dan empat daripadanya sering menyerang manusia. Penyataan ini memperlihatkan berlakunya ketidakpatuhan, iaitu pelanggaran MPC dan MPK, iaitu masing-masingnya kerana maklumat yang diberikan kabur, iaitu E mempunyai anggapan bahawa anggota masyarakat telah mengetahui empat jenis virus yang dinyatakan dan ini menyebabkan E telah tidak membekalkan maklumat yang memadai tentang virus yang dinyatakan tersebut. Sebaliknya, E telah meneruskan penerangan berkaitan virus apabila menerima pakai isyarat hos dalam PB3IYU25, iaitu ujaran *Okay* yang bermaksud memahami perkara yang dinyatakan oleh E. Lanjutan itu, E dalam konteks ini didapati mengulangi intipati maklumat pada PB3IEU17, "Tu semua virus" dalam PB3IEU18. Tindakan ini merupakan pelanggaran MPK, iaitu kelebihan maklumat berlaku. Perulangan ini menurut Kumar (2019) bertujuan penegasan dan pengesahan maklumat. Sementara itu, kepatuhan keempat-empat MP dalam PB3IEU18 diperlihatkan melalui E menyatakan

bahawa penyakit ini tidak ada ubatnya dan kesembuhannya bergantung kepada daya ketahanan tubuh manusia. Penyataan E ini selari dengan laporan berita Sarchio (2020). Semasa temu bual ini berlangsung, penyakit COVID-19 masih belum ada vaksinnya namun demikian laporan berita terkini menyatakan bahawa vaksin penyakit ini telahpun ditemui (Roxby, 2020).

Selanjutnya, pelanggaran MPK ditemui pada ujaran awal PB3IEU19 apabila E didapati mengulang maklumat berkaitan ketahanan badan dalam menangani COVID-19, iaitu maklumat yang sama dalam PB3IEU18. Sebaliknya, ujaran PB3IEU19 berikutnya memperlihatkan pematuhan keempat-empat MP apabila E menyatakan bahawa sebelum ini wujud virus korona yang lebih bahaya. Maklumat ini bertepatan fakta, relevan dan jelas selain bersifat informatif yang berimplikatur peringatan bahawa virus yang dibincangkan ini daripada keluarga yang sama dan telah wujud sebelum ini (Hewings-Martin, 2020).

Jadual 7
Persoalan Simptom Virus

JU	PB	Ujaran	Kepatuhan MP					Ketidakpatuhan MP			
			K	Q	H	C	L	V	O	J	G
S	PB3IRU13	Kenapa perkataan Novel tu perlu digunakan? ... menyifatkan apa tu, ciri apa ... tentang virus tu?	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB3IEU21	Saya rasa ...mungkin ... sama keluarga dengan Sars, tetapi unik Mungkin ... ada perbezaan ... simptom-simptomnya... dia merebak.... Sars ... simptom-simptom seperti demam, batuk, selsema Tapi ... mungkin seseorang ... tak batuk,tak selsema ... mungkin ada virus korona, novel koronavirus.	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X	X
	PBIRU14	Oh.	X	X	X	X	X	X	X	X	X
S	PB3IYU28	... petanda-petanda tu kurang jelas.	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB3IEU22	Ah. Kurang jelas, kurang jelas.	X	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X
S	PBIRU15	Simptom-simptomnya?	X	X	X	X	X	X	X	X	X
	PBIYU29	Lebih bahaya sebab dia kira macam silent killer.	X	X	X	X	X	X	X	X	X
	PBIRU16	Tak nampak ah.	X	X	X	X	X	X	X	X	X
J	PB3IEU23	...terlalu banyak development..., harus sedar ataupun aware about all the new developmentslah. ... setiap hari, ... kena lihat pada media ... nasihat, ... kriteria ... yang terbaru ... penyakit ini?	X	✓	✓	✓	✓	X	X	X	X

Perbincangan mengenai korona virus berterusan apabila E dalam PB3IEU20 menambah penyataan maklumat PB3IRU13 bahawa virus korona juga menyebabkan penyakit Sars manakala nama virus terbaru ialah Novel. Penyataan ini mematuhi keempat-empat MP, iaitu informatif, menepati fakta, relevan dan jelas walau bagaimanapun pelanggaran MPK berlaku apabila E, mengulang semula nama virus yang dirujuk dalam ujaran terakhirnya. Perulangan ini bertujuan penegasan maklumat bahawa virus tersebut ialah virus baharu dan kata Novel bersinonim dengan baharu (*new*). Penamaan virus ini bertitik tolak daripada kewujudannya yang tidak sama seperti virus korona yang

biasa tersebar dalam kalangan manusia dan menyebabkan penyakit ringan seperti selsema biasa (Centers for Disease Control and Prevention, 2020a).

Penamaan virus ini seterusnya membangkitkan soalan lanjutan berkaitan simptom virus seperti paparan dalam Jadual 7.

Peristiwa bahasa PB3IRU13 memaparkan persoalan kerelevan nama yang diberi, iaitu istilah novel yang bermaksud baharu kepada virus yang dirujuk. Respons E dalam konteks ini memperlihatkan penggunaan pengetahuan sedia ada semasa itu, iaitu memaklumkan bahawa virus tersebut berasal daripada keluarga yang sama seperti penyakit SARS dan hanya berbeza daripada aspek simptomnya, iaitu COVID-19 tidak memperlihatkan simptom walaupun sudah dijangkiti. Penyataan E didapati menggunakan kata “mungkin” semasa memberikan penjelasannya dan ini memperlihatkan ketidakayakinan E dengan maklumat yang disampaikan. Penguraian E tidak diklasifikasikan sebagai pelanggaran MP kerana maklumat penyakit ini masih belum luas tersebar kepada dunia semasa sesi *podcast* ini berlangsung malahan punca dan simptom penyakit masih terus dikaji dan dibincangkan (Centers for Disease Control and Prevention, 2020b). Penyataan ini didapati sama seperti yang berlaku dalam konteks PB2IEU12, iaitu penyisian kebolehlaksanaan perisai. Sehubungan dengan itu, PB3IEU21 didapati mematuhi keempat-empat MP, iaitu informatif, benar, relevan dan jelas dalam konteksnya. Selanjutnya, jawapan E menjadi titik tolak kepada penyataan PB3IYU28 bahawa simptom penyakit ini tidak jelas yang kemudiannya diperkuuh oleh E dalam PB3IEU22. Peristiwa bahasa PB3IEU22 memperlihatkan E mematuhi MPQ, MPH, MPC dan sekali gus melakukan pelanggaran MPK kerana mengulang penyataan “kurang jelas”. Selanjutnya, E juga didapati memberikan maklum balas dalam PB3IEU23 kepada penyataan hos dalam PBIRU15 dan PBIYU29 berkenaan tahap bahaya penyakit ini yang tidak dapat dikenal pasti simptomnya. Sama seperti PB3IEU22 penyataan E ini didapati mematuhi MPQ, MPH dan MPC dan sekali gus melakukan pelanggaran MPK apabila menghuraikan keperluan mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan simptom penyakit ini secara lewah. Sementara itu kepatuhan MP yang ditemui berkorelasi dengan domain kognitif dan afektif (rujuk Jadual 2) yang masing-masingnya berkaitan antaranya dengan pengetahuan dan sikap. Pengetahuan merujuk kepada ilmu yang harus dimiliki; dan sikap pula merujuk kepada perlakuan dan pandangan terhadap isu yang dibincangkan, iaitu COVID-19. “Pelajar” dalam konteks *podcast* #NoTapis dididik untuk mengadaptasi kehidupan norma baru. Dapatan analisis ini dipaparkan dalam Jadual 8.

Jadual 8*Korelasi Pematuhan MP: Domain Kognitif dan Afektif*

PB	PMP	P	Aras Domain Kognitif						P	Aras Domain Afektif				
			1	2	3	4	5	6		1	2	3	4	5
PB2IEU2	KQHC	1	✓	✓	✓	✓	X	✓	1	✓	✓	X	X	X
PB2IEU5		1	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	2	✓	X	X	X
PB2IEU6		1	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	2	✓	X	X	X
PB2IEU8		1	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	1	✓	✓	X	X
PB2IEU9		1	✓	✓	✓	✓	✓	X	✓	3	✓	✓	✓	✓
PB2IEU11		2	✓	✓	✓	✓	✓	X	X	3	✓	✓	✓	✓
PB2IEU12		3	✓	✓	X	X	X	X	X	4	✓	✓	✓	X
PB2IEU13		3	✓	✓	X	X	X	X	X	1	✓	✓	X	X
PB3IEU16		4	✓	X	X	X	X	X	X	1	✓	✓	X	X
PB3IEU17		3	✓	✓	X	X	X	X	X	1	✓	✓	X	X
PB3IEU18		5	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	1	✓	✓	X	X
PB3IEU19		3	✓	✓	X	X	X	X	X	1	✓	✓	X	X
PB3IEU20		3	✓	✓	X	X	X	X	X	5	✓	✓	✓	X
PB3IEU21		1	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	3	✓	✓	✓	✓
PB2IEU14	KQH	3	✓	✓	X	X	X	X	X	1	✓	✓	X	X
PB2IEU3	QHC	3	✓	✓	X	X	X	X	X	2	✓	X	X	X
PB2IEU15		6	✓	✓	✓	X	X	X	X	4	✓	✓	✓	X
PB3IEU22		4	✓	X	X	X	X	X	X	1	✓	✓	X	X
PB3IEU23		6	✓	✓	✓	X	X	X	X	4	✓	✓	✓	X
PB2IEU4	QH	5	✓	✓	✓	✓	X	X	✓	2	✓	X	X	X
PB2IEU7		3	✓	✓	X	X	X	X	X	2	✓	X	X	X

Petunjuk

PMP Pematuhan MP

P Pola

Korelasi pematuhan MP memperlihatkan beberapa pola, iaitu enam pola dan lima pola masing-masingnya merujuk kepada domain kognitif dan afektif. Aras domain kognitif dan domain afektif memperlihatkan kombinasi aras yang pelbagai. Dapatan analisis menemukan bahawa pematuhan MP sentiasa berkorelasi dengan aras paling rendah bagi kedua-dua domain, iaitu aras 1 masing-masingnya merujuk kepada mengingat dan menerima. Aras tertinggi untuk domain kognitif ialah aras 6, iaitu mencipta yang merujuk kepada proses mengintegrasikan maklumat manakala aras tertinggi domain afektif ialah aras 5 yang merujuk kepada menghayati. Dapatan ini juga memperlihatkan kewujudan kepelbagaiannya pola PMP seperti dalam Jadual 8, iaitu PB yang dianalisis memperlihatkan kerencaman aras kognitif dan afektif yang diaplikasi. Hal ini berkaitan dengan objektif episod *podcast* yang bertujuan mendidik khalayak pendengarnya dengan mengemukakan pelbagai bentuk soalan. MP yang berelemen pendidikan ini ternyata telah mendidik khalayak pendengar *podcast* tentang persoalan COVID-19 yang masih baharu dalam kalangan anggota masyarakat. Dapatan ini

membuktikan pernyataan oleh Hoque (2016) bahawa PdP merupakan satu proses yang dimulakan daripada aras yang rendah kepada aras yang tinggi. Namun demikian, pematuhan MP tidak memperlihatkan korelasi dengan aras 5, iaitu menilai dalam domain kognitif kerana pendengar *podcast* hanya menerima maklumat yang diberikan oleh E. Proses menilai maklumat tidak berlaku kerana pendengar mempunyai kepercayaan akan wibawa seorang doktor yang diundang dalam *podcast* tersebut. Dalam konteks #NoTapis, E memberikan pelbagai maklumat berkaitan COVID-19 bermula dengan maklumat umum berkaitan penggunaan istilah sehingga kepada cara mengekang penularannya. Pemerolehan pengetahuan dan sikap yang ditekankan dalam maklumat #NoTapis telah menyediakan pendengar mereka akan situasi semasa yang melanda negara di seluruh dunia. Lanjutan itu, E yang bertindak sebagai seorang “guru” dalam konteks ini perlu menyampaikan maklumat dengan bahasa kolokial bagi memastikan “pelajar” daripada pelbagai latar belakang pengetahuan, bidang, taraf akademik, umur dan sebagainya mendapat manfaat daripada penerangan yang dilakukan.

Perbincangan

Pematuhan MP yang berkorelasi dengan elemen pendidikan memperlihatkan E mempermudah penerangannya dalam temu bual dengan penggunaan bahasa kolokial. Bahasa kolokial ialah jenis tuturan tidak formal yang digunakan antara rakan dan orang lain dalam situasi yang mementingkan empati, hubungan atau keakraban (Richards & Schmidt, 2002). Tindakan ini tentulah bertitik tolak daripada khalayak sasaran *podcast* yang pelbagai latar belakang. Tindakan ini juga ternyata selari dengan matlamat podcast #NoTapis yang antara lainnya bertujuan mendekati komuniti muda Melayu. Sehubungan itu, mempermudah penerangan berkaitan topik berkaitan perubatan dan isu semasa yang belum tersebar luas memerlukan penerangan yang memudahkan proses pemahaman dan penerimaan pengetahuan. Pematuhan MP yang berkorelasi dengan elemen pendidikan ini menepati aras domain kognitif dan afektif dalam taksonomi Bloom bersesuaian dengan objektif *podcast* episod ini yang bertujuan mendidik khalayaknya. Dalam konteks ini, E misalnya menggunakan frasa “peluru emas” bagi merujuk kepada fungsi, nilai dan keberkesanan antibiotik dalam membunuh bakteria. Penerangan kegagalan “peluru emas” dalam konteks ini bertujuan menggantikan frasa kerintangan antibiotik seperti dalam penerangan Kementerian Kesihatan Malaysia (2014). Dalam konteks ini, E mengelakkan berlakunya gangguan semantik dalam komunikasi. Gangguan semantik ialah penggunaan slanga, jargon atau bahasa yang khusus oleh seseorang atau kumpulan penutur yang menyebabkan ketidakfahaman berlaku pada individu yang dilawan bicara kerana kata atau frasa yang digunakan itu tidak mempunyai makna bagi individu yang berada di luar skop bidang, kumpulan atau penggunanya (West & Turner, 2010).

Ketidakpatuhan MP yang berlaku, iaitu perulangan maklumat dianggap satu keperluan bertujuan mempertegas maklumat yang disampaikan (Kumar, 2019) dan ini juga kerap berlaku dalam proses PdP. Perulangan maklumat juga bertujuan menambah

jelas maklumat (Zahid, 2020). Sementara itu, ketidakpatuhan MP pada aras permukaan dengan penggunaan frasa “andaian” dan “mungkin” sebenarnya didapati tidak berlaku kerana maklumat berkenaan COVID-19 masih baharu semasa itu. Penerangan yang diberikan didapati mematuhi MP, iaitu informatif, benar, relevan dan jelas. Dalam konteks ini E bertindak menghindarkan dirinya daripada bebanan dipersalahkan dengan mengaplikasi strategi kebolehlaksanaan perisai (Gribanova & Gaidukova, 2019) dan penyisian majmuk (Prince et al., 1982; Salager-Meyer, 1995) sekiranya maklumat yang diberikannya tidak tepat kerana E hanya bersandar pada maklumat terhad yang ada semasa itu.

Kesimpulan

Analisis yang dilakukan bertujuan mengenal pasti kepatuhan serta ketidakpatuhan MP dan membincangkan korelasi pematuhan MP dengan elemen pendidikan. Objektif ini bertitik tolak daripada pandangan Gary (2020) bahawa *podcast* bersifat mendidik. Analisis hanya melimitkan tiga data PB kerana dapatan kepatuhan dan ketidakpatuhan MP yang hampir sama dalam semua kajian sebelum ini. Lanjutan itu limitasi ini bertujuan menganalisis data pada sisi yang lain, iaitu korelasi kepatuhan MP dengan taksonomi Bloom bagi domain kognitif dan afektif. Kepatuhan MP bertitik tolak daripada tema episod yang berkaitan dengan bidang perubatan manakala ketidakpatuhan berlaku kerana unsur lewah, iaitu perulangan maklumat dan celahan yang dilakukan oleh hos. Perulangan maklumat didapati bertujuan untuk penegasan dan pengesahan maklumat. Akibat perbezaan maklumat semasa yang berpunca dari tempoh penyiaran episod, terdapat maklumat yang disampaikan dengan menggunakan kata “andaian” dan “mungkin”. Penggunaan kedua-dua kata ini tidak diklasifikasikan sebagai ketidakpatuhan sebaliknya dirujuk sebagai penyisian majmuk dan penyisian kebolehlaksanaan perisai. Kepatuhan MP didapati senantiasa berkorelasi dengan aras paling rendah domain kognitif dan afektif. Implikasi kajian ini memperlihatkan elemen pendidikan dapat dan boleh disampaikan dalam pelbagai medium sesuai dengan kecanggihan teknologi semasa. Disyorkan pada masa depan, data dan isu yang bersifat kontemporari dianalisis dengan gabungan pendekatan atau teori bagi mewujudkan kajian bersifat multidisiplin.

Rujukan

- #NoTapis. (2020, Februari 1). *Dr Elly Sabrina - Kupas wabak koronavirus Wuhan* [Audio podcast].
[https://open.spotify.com/episode/0WLh36otEeowT4pWbEL6gV?si=UKU3Aj3sS](https://open.spotify.com/episode/0WLh36otEeowT4pWbEL6gV?si=UKU3Aj3sSAdvanced Media Institute. (2020). Storyboarding.)
Advanced Media Institute. (2020). *Storyboarding*.
<https://multimedia.journalism.berkeley.edu/tutorials/starttofinish-storyboarding>

- Aisyah, N., & Fitrawati, F. (2019). An analysis of flouting of maxim performed by politician guests in *Mata Najwa* talk show in the episode of *adu lantang jelang penentuan* and *babak akhir Pilpres*. *E-Journal English Language and Literature*, 8(4), 42-55.
- Anderson, L. W., & Krathwohl, D.R. (Eds.). (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. Longman.
- Awwad, A. S., Ayasreh, A. M., Ayasrah, N. M., & Al-Sabti, N. (2019). Interpretations of the Gricean conversational maxims violations. *International Journal of Applied Engineering Research*, 14(22), 4100-4104.
- Bloom, B. S. (1956). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals* (Cognitive domain, Vol. Handbook I). McKay.
- Krathwohl, D. R., Bloom, B. S., & Masia, B. B. (1964). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals* (Affective domain, Vol. Handbook II). David McKay.
- Centers for Disease Control and Prevention. (2020a). COVID-19: Frequently asked questions. <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/faq.html>
- Centers for Disease Control and Prevention. (2020b). COVID-19: Symptoms. <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/symptoms-testing/symptoms.html>
- Crystal, D. (2008). *A dictionary of linguistics and phonetics*. (6th ed.). Blackwell Publishing.
- Davies, B. L. (2007). Grice's cooperative principle: Meaning and rationality. *Journal of Pragmatics*, 39, 2308-2331.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). Andaian. In *Kamus dewan* (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dictionary.com. (2020). Podcast. In Dictionary.com. <https://www.dictionary.com/browse/podcast>
- Gary, C. (2020). *What is a podcast? An explanation in plain English*. <https://www.thepodcasthost.com/listening/what-is-a-podcast/>
- Gribanova, T. I., & Gaidukova, T. M. (2019). Hedging in different types of discourse. *Training, Language and Culture*, 3(2), 85-99.
- Grice, H. P. (1975). Logic and conversation. In Cole, P & Morgan, J. L. (Eds.), *Syntax and semantics* (Vol. 3) Speech Acts (pp. 41-58). Academic Press.
- Hamani, T., & Puluhulawa, Y. (2019). Pragmatics analysis of maxim flouting done by the main characters in Kungfu Panda movie by Jonathan Aibel & Glenn Berger. *BRITISH, Jurnal Bahasa Dan Sastra Inggeris*, 8(1), 16-26.
- Hasan, N., Hamzah, Z. A. Z., Yaakob, N. A., & Husin, F. (2020). Eksplorasi maksim Grice lambang kehalusan berbahasa masyarakat Melayu: Analisis dalam filem Dayang Senandong (1965). *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 8(2), 25-39.
- Hewings-Martin, Y. (2020, April 10). *How do SARS and MERS compare with COVID-19?* <https://www.medicalnewstoday.com/articles/how-do-sars-and-mers-compare-with-covid-19>

- Hoque, M. E. (2016). Three domains of learning: Cognitive, affective and psychomotor. *The Journal of EFL Education and Research (JEFLER)*, 2(2), 45-52.
- Intermountain Healthcare. (2020, April 2). *What's the difference between a pandemic, an epidemic, endemic, and an outbreak?* <https://intermountainhealthcare.org/blogs/topics/live-well/2020/04/whats-the-difference-between-a-pandemic-an-epidemic-endemic-and-an-outbreak>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2014). *Amalan terbaik antibiotik*. http://www.myhealth.gov.my/amalan_terbaik_antibiotik
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2017). *Usus sihat: Peranan diet anda*. <http://www.myhealth.gov.my/usus-sihat-peranan-diet-anda/>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020a). *Soalan lazim penyakit Coronavirus (Covid-19)*. <http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/SOALAN-LAZIM-COVID-19.pdf>
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020b). *Antibioktik: Perlu ke?* <https://www.facebook.com/kementeriankesihatanmalaysia>
- Kumar, D. Z. (2019). Pragmatic functions of repetitions in spontaneous spoken dialect discourse. *Dialectologia et Geolinguistica*, 27(1), 123-141.
- Mcgivern, A. (2020). *What is a podcast? Definition and meaning of podcast*. <https://www.podcasthero.com/what-is-a-podcast/>
- Muhammad, A. A., & Karim, H. A. (2019). An analysis of Grice's cooperative principles in some selected English TV interviews. *Journal of University of Garmian*, 6(2), 444-455.
- Patterson, L. (2006). The technology underlying. *Computer*, 39(10), 103-105. https://www.researchgate.net/publication/2961624_The_Technology_Underlying_Podcasts
- Prince, E., Bosk, C., & Frader, J. (1982). On hedging in physician-physician discourse. In J. Di Pietro. (Ed.), *Linguistics and the professions* (pp. 83-97). Ablex.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (2020). Audio siar. In *Dewan bahasa dan pustaka*. <http://prpmv1.dbp.gov.my/>
- Richards, J. C. & Schmidt, R. (2002). *Dictionary of language teaching and applied linguistics* (3rd ed.). Pearson Education Limited.
- Roxby, P. (2020). Russian COVID vaccine shows encouraging results. <https://www.bbc.com/news/health-54905330>
- Salager-Meyer, F. (1995). I think that perhaps you should: A study of hedges in written scientific discourse. *The Journal of TESOL France*, 2(2), 127-143.
- Sarchio, S. N. E. (2020). 'Imuniti kelompok' kawal, putuskan rantaian jangkitan. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/12/761028/imuniti-kelompok-kawal-putuskan-rantaian-jangkitan>
- SPH Media Solutions. (2019). *Tap into Berita Harian's podcast #NOTAPIS*. <https://www.imsph.sg/tap-into-berita-harians-podcast-notapis/>
- West, R., & Turner, L. H. (2010). *Introducing communication theory: Analysis and application*. McGraw-Hill Higher Education.

- World Health Organization. (2020a). *Naming the coronavirus disease (COVID-19) and the virus that causes it.* [https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/naming-the-coronavirus-disease-\(covid-2019\)-and-the-virus-that-causes-it](https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/technical-guidance/naming-the-coronavirus-disease-(covid-2019)-and-the-virus-that-causes-it)
- World Health Organization. (2020b). *WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19-11 March 2020.* <https://www.who.int/director-general/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>
- Zahid, I. (2018). Analisis maksim perbualan Grice dalam soal jawab TV3. *Issues in Language Studies*, 7(2), 16-35.
- Zahid, I. (2020). Ketidakpatuhan maksim perbualan dan komunikasi berkesan dalam soal rakyat. *Issues in Language Studies*, 9(2), 33-51.

REFLEKSI SISI NEGATIF BURUNG GAGAK DALAM PERIBAHASA MELAYU: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

Muhammad Zaid DAUD^{*1}

Nurul Aida ABDULLAH²

Mary Fatimah SUBET³

¹Pusat Pembelajaran Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

^{2,3}Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak

¹zaid.daud@utem.edu.my

²nrlaida8915@gmail.com

³sufatimah@unimas.my

Manuscript received 20 November 2020

Manuscript accepted 17 November 2021

**Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.2764.2021>

ABSTRAK

Pandangan masyarakat Melayu pada masa dahulu telah menginterpretasikan burung gagak sebagai rupa yang buruk, sesuatu yang lemah, impian yang tidak kesampaian dan sukar untuk berubah. Oleh itu, objektif khusus kajian ini adalah untuk meneroka sebab pemilihan imej perlambangan gagak dalam peribahasa Melayu menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif (Jalaluddin, 2014) serta dibantu dengan pendekatan Rangka Rujuk Silang (Kempson, 1986). Data peribahasa ini dikutip melalui pensampelan bertujuan dalam Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima oleh Rahman (2017), Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua oleh Hussain (2016) serta Kamus Peribahasa Melayu oleh Said (2013). Keseluruhananya, terdapat sembilan data peribahasa Melayu yang bersumberkan burung gagak. Terdapat kajian terkini membuktikan burung gagak sebagai burung yang pintar, dapat menyelesaikan masalah dengan baik dan boleh mengekspresikan perasaan yang rumit. Tetapi, berdasarkan keintelektulan dan akal budi masyarakat Melayu, mereka masih merefleksikan burung gagak mempunyai sisi yang negatif. Contohnya, pengkhianatan, tikam belakang, ada kepentingan tersendiri dan menunggu masa untuk menjatuhkan seseorang. Rumusannya, penilaian orang Melayu pada zaman dahulu mengenai burung gagak telah diteliti dan dinilai secara kompleks.

Kata Kunci: Akal budi Melayu; gagak; peribahasa Melayu; semantik inkuisitif

A Reflection on the Negative Side of Crows in Malay Proverbs: Inquisitive Semantics Analysis

ABSTRACT

In the traditional Malay community, the crow is a symbol of ugliness, weakness, unfulfilled dreams, and difficult changes. This study explored the reasons for the symbolic use of crows in Malay proverbs using the Inquisitive Semantics Theory (Jalaluddin, 2014), as well as the Cross Reference Framework (Kempson, 1986). The proverbial data in this research was obtained by applying the purposive sampling method on three dictionaries: Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima (Rahman, 2017), Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua (Hussain, 2016) and Kamus Peribahasa Melayu (Said, 2013). Nine Malay proverbs that mentioned “crows” were found. Despite recent studies proving that crows are intelligent birds; particularly in solving problems and expressing complex feelings, the Malay community’s perception of the crow remains negative. In this regard, this study re-evaluated in depth the Malays’ current and past views on crows.

Keywords: Malay intellect; crow; Malay proverbs; inquisitive semantics

Pengenalan

Elemen burung yang dijadikan imej perlambangan dalam peribahasa Melayu telah merepresentasikan sikap dan kelakuan manusia secara implisit, sama ada secara positif ataupun negatif (Daud, 2020). Menurut Wan Ismail (2016) antara imej perlambangan burung yang berasosiasi dengan nilai positif ialah belatuk (setia), berek-berek (muafakat), cenderawasih (kemewahan), denak (berani, kegagahan), tiung (kebaikan), garuda (kekuasaan) dan helang (ketangkasian, perkasa, pangkat dan kekayaan). Manakala, imej perlambangan burung yang berasosiasi dengan nilai negatif seperti cemperling (berlagak kaya), ciak (tipu daya), tempua (muslihat), kedidi (tidak tahu menjaga diri dan kejahatan), pungguk (perbuatan sia-sia) dan merak (sombong dan bangga diri).

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji imej perlambangan gagak dalam peribahasa Melayu menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) oleh Jalaluddin (2014) serta dibantu pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986) yang merupakan sebahagian daripada Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986). Berdasarkan makna harfiah yang dikemukakan oleh pengkaji yang lepas mengenai imej perlambangan gagak dalam peribahasa Melayu seperti Rahman (2017), Wan Ismail (2016), Hussain (2016) dan Said (2013) menunjukkan bahawa burung gagak ini membawa imej yang negatif. Contohnya, rupa yang buruk, lemah, impian yang tidak kesampaian dan sukar untuk berubah.

Berbeza pula dengan perspektif sains haiwan atau zoologi kerana burung gagak merupakan burung paling bijak dan cerdas di dunia, bahkan lebih bijak daripada burung

kakak tua (Zulbadri et al., 2011). Gagak mempunyai otak yang besar dan berat jika hendak dibandingkan dengan saiz tubuh badannya yang kecil dan ringan. Werema (2015) pula telah menggelar burung gagak sebagai “*flying monkey*” atau “*monyet yang boleh terbang*” kerana tahap IQ burung ini yang lebih kurang sama dengan monyet. Tambah Werena (2015) kedua-dua haiwan (burung gagak dan monyet) ini mempunyai keupayaan seperti dapat menggunakan sesuatu alatan yang baik, boleh menyelesaikan masalah dan boleh mengekspresikan perasaan yang kompleks. Selain itu, burung gagak juga dapat memberi tindak balas jika berlakunya kematian burung gagak yang lain seperti berkicau dengan nada suram. Hal ini demikian kerana burung ini berupaya memahami “apa itu kematian”. Dengan itu, burung ini akan mengelilingi bangkai burung gagak sebagai tanda hormat dan simpati atau dikenali sebagai “*crow funeral*” (Studios, 2020). Perkara ini telah menunjukkan bahawa burung gagak turut mempunyai nilai atau sisi yang positif dari sudut zoologi.

Oleh itu, timbulnya persoalan kenakah dalam konteks masyarakat Melayu pada zaman dahulu hanya merujuk burung gagak ini kepada nilai atau sisi yang buruk sahaja? Di sinilah peranan SI yang digagaskan oleh Jalaluddin (2014) diaplikasikan. Dengan mempertalikan konsep “kenapa, kenapa dan kenapa” pengkaji dapat menemui sebab yang konkret dalam pemilihan imej perlambangan yang digunakan dalam penciptaan sesebuah peribahasa. Kajian yang melibatkan pendekatan SI ini juga bersifat multidisiplin kerana bukan hanya pencungkilan makna bersifat harfiah dalam bidang bahasa dan linguistik diteliti, malahan, kajian sebegini telah berupaya menghubungkan ke bidang ilmu yang lain seperti zoologi, kulinari, ekonomi, sains pertanian, dan politik.

Sorotan Literatur

Kajian mengenai burung gagak atau pengelasan saintifiknya daripada (1) alam: haiwan, (2) filum: *Kardota*, (3) kelas: Aves, (4) Oder: *Passeriformes*, (5) keluarga: *Corvidae* dan (6) Genus: *Corvus* (Linnaeus, 1758) telah banyak dijalankan oleh pengkaji yang lepas. Kajian-kajian ini telah meliputi pelbagai perspektif ilmu seperti bidang zoologi, biologi, seni, sejarah, serta bidang bahasa dan linguistik.

Secara lahiriahnya, burung gagak diperlihatkan dalam bidang kajian zoologi yang merupakan subkajian biologi untuk mengkaji haiwan. Bagi kajian ini, pengkaji akan memfokuskan burung gagak sebagai data kajian. Terdapat juga subdisiplin dalam bidang zoologi ini yang akan memfokuskan kajian mengenai burung sahaja. Ia dinamakan sebagai *ornitologi*. Antaranya pengkaji lepas yang menjalankan kajian dengan mengaitkan unsur gagak dalam bidang zoologi ialah Karar et al. (2016) dan Rahman et al. (2014). Karar et al. (2016) telah menjalankan kajian untuk mengetahui keanekaragaman, komposisi dan kemerataan jenis burung di hutan primer Suka Margasatwa Pulau Pasoso Kecamatan Balaesang Tanjung. Burung gagak mempunyai titik kehadiran yang dominan pada waktu pagi dan pada waktu petang dan mencatat jumlah nilai keanekaragaman (H') sebanyak 0.1572 (lima ekor) (Karar et al., 2016). Ini

jelas menunjukkan bahawa burung gagak wujud di kawasan hutan primer seperti kawasan kepulauan.

Rahman et al. (2014) pula telah menjalankan kajian untuk menguji kecekapan pengiraan dua spesies burung iaitu burung gagak dan burung tiong. Burung gagak lebih memilih tempat yang mempunyai cacing yang banyak pada frekuensi di atas peluang rawak (Rahman et al., 2014). Hal ini menunjukkan bahawa burung gagak berjaya dan bijak dalam mendiskriminasikan antara nombor makanan yang banyak dan nombor yang sedikit. Burung gagak merupakan haiwan jenis *omnivorous*, di mana burung ini turut makan serangga, buah-buahan dan bijirin. Walau bagaimanapun, burung gagak hanya memilih satu kombinasi makanan secara rawak yang sama dan memiliki kuantiti cacing yang banyak sahaja (Rahman et al., 2014). Menurut Rahman et al. (2014), burung gagak takut untuk mencuba sesuatu yang baru, tidak dapat memproses maklumat mengenai kuantiti dengan cara yang cekap dan hanya memilih makanan secara rawak. Burung gagak dapat menyesuaikan diri dengan mana-mana persekitarannya termasuk di kawasan yang pesat membangun seperti bandar raya (Rahman et al., 2014). Burung gagak ini dapat dijumpai di serata dunia kecuali di kawasan Antartika dan Selatan Amerika (Studios, 2020).

Di samping itu, akibat daripada perkembangan disiplin-disiplin ilmu yang lain, kajian mengenai burung gagak tidak terhad dalam pengkajian zoologi sahaja. Kajian-kajian burung gagak telah menjangkau kepada bidang yang multidisiplin, contohnya mampu menghubungkan bidang zoologi dengan bidang agama. Kajian Zulbadri et al. (2011) mendapati bahawa perbandingan kelakuan burung dari sudut Islam dan neurosains terbahagi kepada enam kategori, iaitu (1) kelakuan terbang ke destinasi, keupayaan deria, (2) kelakuan penghasilan bunyi dan berlagu, (3) kelakuan keibubapaan, (4) kelakuan melakukan pergerakan khusus, dan (6) kelakuan-kelakuan lain. Kelakuan burung gagak dinyatakan dari sudut kelakuan penghasilan bunyi dan berlagu, kelakuan keibubapaan dan kelakuan melakukan pergerakan khusus. Bagi kelakuan penghasilan bunyi dan berlagu dari segi neurosains, burung gagak dinyatakan dapat menghasilkan bunyi suara dan penghasilan "lagu" seperti yang dapat dilakukan oleh burung dalam aturan *Passeriformes*. Burung gagak juga diklasifikasikan sebagai haiwan yang pintar, mempunyai daya pembelajaran yang baik sama seperti burung kakak tua.

Tambah Zulbadri et al. (2011), dari sudut Islam pula, keupayaan ini ada dinyatakan di dalam Al-Quran sebagai kelakuan bertasbih dan mentaati Allah. Kelakuan keibubapaan pula menyatakan bahawa burung gagak membuat seni bina sarang burung dengan menggunakan ranting dan wayar. Hal ini dikatakan demikian kerana Al-Quran telah menyatakan bahawa kelakuan penjagaan sebagai ibu bapa yang baik adalah melibatkan penyediaan rumah, habitat atau sarang sendiri. Dari perspektif neurosains pula, burung gagak mempunyai bahagian-bahagian otak hadapan, otak tengah dan otak belakang diperlukan oleh burung untuk membina sarang bersesuaian dengan lokasi dan keadaan persekitaran mereka. Akhir sekali dari sudut kelakuan melakukan pergerakan khusus, burung gagak ada disebut dalam Al-Quran seperti Surah Al-Ma''idah ayat 28 hingga 30. Kejadian ini menerangkan perkelakuan burung gagak yang mengorek tanah

untuk mengebumikan bangkai burung gagak lain dan kemudian burung gagak ini menimbun kembali tanah tersebut. Dari perspektif neurosains, perbuatan burung menggali tanah untuk dan menimbulkannya kembali adalah berkait rapat dengan struktur otaknya, di mana otak hadapan bertanggungjawab sebagai fungsi kognitif seperti mengenal pasti tempat yang hendak digali, otak tengah dikaitkan dengan penglihatan yang baik manakala otak belakang berperanan mengawal pergerakan terkawal dan halus. Pengkaji juga menyatakan bahawa burung gagak merupakan sejenis haiwan yang mempunyai kecerdikan dan kecekapan dalam mencari makanan sehari-hari dan menangan masalah yang dilaluinya pada ketika itu.

Kajian Syauqi et al. (2018) pula bertujuan untuk memvisualisasikan dan mengungkapkan burung gagak sebagai idea dalam karya seni grafik. Berdasarkan kajian tersebut, burung gagak tidak semestinya membawa konsep “pesan kematian” seperti yang dianggap oleh masyarakat Indonesia; sebaliknya burung gagak juga boleh membawa kepada konsep yang positif seperti digambarkan oleh pengkaji dalam bentuk seni grafis. Antara konsep positif burung gagak yang divisualisasikan pengkaji melalui lukisan-lukisannya ialah konsep bertahan hidup, konsep komunitas, konsep intelegensi, konsep kesetiaan, konsep suka mandi, konsep eksekusi, konsep hukum, konsep kebiasaan, konsep tanggungjawab dan konsep mengintai.

Bagi fokus kajian ini, pengkaji akan menggunakan peribahasa Melayu berunsurkan gagak sebagai data kajian. Antara pengkaji lepas yang pernah menjalankan kajian mengenai peribahasa yang berkaitan dengan burung gagak seperti Widuri (2017), Hadi (2018), Wan Ismail (2016) dan Oemiaty (2010). Widuri (2017) telah menganalisis makna *Chengyu* (peribahasa Mandarin) yang menggunakan unsur binatang berdasarkan konotasi dan fungsinya. Dalam kajian ini, penggunaan unsur burung gagak dalam *chengyu* didapati wujud dalam golongan *chengyu* yang mempunyai makna konotasi negatif dan makna konotasi neutral. Contoh *chengyu* unsur burung gagak bagi makna konotasi negatif ialah “*wū hé zhī zhòng*” (seperti sekumpulan gagak) yang bermaksud sekumpulan orang yang tidak disiplin dan liar, peribahasa ini digunakan untuk menggambarkan bandit (penyamun), pemberontak atau pasukan tentera yang tidak berguna. Manakala, peribahasa Mandarin lain yang menggunakan unsur gagak sebagai makna konotasi neutral ialah “*yā què wú shēng*” (tidak ada suara burung gagak mahupun burung gereja) yang bermaksud sunyi sepi ataupun senyap sekali. Dapatkan kajian juga mendapati bahawa peribahasa Mandarin yang menggunakan unsur gagak mempunyai fungsi untuk memberi nasihat dan sindiran.

Hadi (2018) menjalankan kajian makna dan nilai budaya bagi peribahasa Jepun dan peribahasa Indonesia menggunakan kaedah Miles dan Huberman (1994). Pengkaji mendapati bahawa peribahasa Jepun menggunakan unsur burung gagak sebagai makna tentang meniru orang lain, manakala peribahasa Indonesia pula menggunakan ikan sebagai lambang yang mempunyai makna yang sama. Dapatkan kajian Hadi (2018) mendapati bahawa, perbandingan nilai budaya peribahasa Jepun dan Indonesia yang menggunakan unsur burung gagak hanya wujud dalam nilai budaya realiti dalam hidup iaitu sikap menerima kenyataan dalam diri.

Oemiaty (2010) pula mendapati bahawa perumpamaan bahasa kiasan dalam bahasa Jepun yang menggunakan imej perlambangan burung gagak turut dikesan dalam novel Yukiguni. Bahasa kiasan mengenai burung gagak ini memberi makna yang negatif. Imej perlambangan burung gagak (*karasu*), dalam novel digunakan untuk menggambarkan aktiviti para biksuni yang naik dan turun untuk meminta sedekah kepada masyarakat untuk membeli keperluan makan. Burung gagak dijadikan lambang kepada keadaan para biksuni yang berpenampilan bersahaja seperti memakai sandal jerami dan tudung cetok.


Sebelum ini, telah terdapat kajian mengenai unggas yang menggunakan pendekatan SI. Antara imej perlambangan unggas yang dikaji ialah ayam, burung, itik dan angsa (Daud, 2018a, 2020), ayam dan musang (Daud, 2018b), ayam sahaja (Daud & Subet, 2019a, 2019b, 2021) serta angsa dan itik (Daud & Subet, 2019c). Sebagai kelompongan kajian lepas ini, pengkaji berpendapat perlunya pengkajian mengenai SI dalam menganalisis peribahasa Melayu yang memfokuskan data unggas secara khusus. Contohnya, burung gagak. Walaupun, kajian mengenai burung gagak telah dijalankan dalam pelbagai perspektif ilmu, namun kajian-kajian tersebut tidak berupaya meneroka imej perlambangan burung gagak dengan mengaitkan akal budi sesebuah masyarakat seperti kajian ini dilaksanakan.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Pengkaji mengaplikasikan analisis dokumen bagi mendapatkan data peribahasa bersumberkan burung gagak secara pensampelan bertujuan. Bagi menganalisis data peribahasa ini pengkaji telah mengaplikasikan pendekatan SI oleh Jalaluddin (2014). Rajah 1 merupakan ringkasan bagi kerangka SI pada tahap pertama yang dinamakan sebagai semantik skrip. Pada peringkat ini pengkaji menyaring data peribahasa berunsurkan gagak yang terdapat dalam Kamus Peribahasa Melayu Edisi Kelima oleh Rahman (2017), Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua oleh Hussain (2016) serta Kamus Peribahasa Melayu oleh Said (2013). Melalui data peribahasa yang terdapat dalam kamus ini, pengkaji telah memperoleh sebanyak sembilan data peribahasa Melayu yang mempunyai imej perlambangan gagak berdasarkan pensampelan bertujuan. Jadual 1 menunjukkan contoh peribahasa Melayu yang mempunyai imej burung gagak. Namun begitu, data peribahasa ini hanya diberikan makna harfiah tanpa melibatkan kognitif, teori mahupun akal budi Melayu itu sendiri.

Oleh sebab pemberian makna peribahasa pada Tahap 1 tidak memadai untuk mendalami peribahasa ini, analisis diteruskan pada tahap kedua, iaitu semantik resonans. Pada peringkat ini, makna peribahasa tidak dilihat melalui makna dasarnya sahaja, namun makna peribahasa ini telah berupaya mengaitkan data, kognitif dan teori dalam menginterpretasikan makna peribahasa tersebut secara lebih berpada. Dalam konteks kognitif peribahasa berunsurkan gagak ini dapat dikelaskan kepada nilai-nilai yang khusus. Contohnya, kejahatan, tuah, kemiskinan, perkahwinan atau kekeluargaan, harapan serta rupa paras seseorang (*Malaycivilization.com*). Pada tahap kedua ini, perlunya sokongan teori yang berwibawa dalam menginterpretasikan makna peribahasa

ini secara kognitifnya. Oleh itu, pada tahap ini pengkaji akan menggunakan pendekatan RRS oleh Kempson (1986) yang merupakan sebahagian daripada TR oleh Sperber dan Wilson (1986). Menurut Ritos dan Daud (2020), penerapan teori yang mampan seperti TR dan RRS diperlukan supaya huraian data disokong dan mampu membentuk aturan konsepsi dan membekalkan kemudahan bagi menjelaskan fenomena yang kompleks dalam berbahasa. Dengan adanya konteks, kesan kognitif yang tinggi terhadap penggunaan peribahasa Melayu berunsurkan burung gagak ini akan menyebabkan usaha memproses yang rendah. Pada tahap ketiga, SI dapat mencungkil makna tersirat secara lebih mendalam serta tidak terhenti di peringkat kognitif dan skrip sahaja. Oleh itu, penerokaan makna lebih berwibawa dapat dilakukan sehingga mendapat satu jawapan mengapa imej gagak digunakan dalam penciptaan peribahasa tersebut.

Rajah 1*Kerangka Semantik Inkuisitif oleh Jalaluddin (2014)*

Analisis dan Perbincangan

Pembentukan peribahasa Melayu berunsurkan gagak dapat dirujuk melalui contoh peribahasa dalam Jadual 1.

Jadual 1*Contoh Peribahasa Melayu yang Mempunyai Imej Perlambangan Gagak*

Peribahasa Melayu	Maksud	Nilai
Bagai gagak menggonggong telur	Perempuan hodoh berpakaian bagus	Orang; kahwin; kekeluargaan
Burung gagak itu jika dimandikan dengan air	Orang biasa jahat itu biar bagaimanapun	Jahat

mawar sekalipun, tidak akan menjadi putih bulunya	dinasihatkan namun tabiatnya tidak dapat diubah	
Seperti mendapat gagak putih	Peroleh yang bertuah	Tuah
Gagak pulang ke benua	Pulang daripada merantau tetapi tidak tetap berubah	Miskin
Hitam gagak tiada siapa yang mencelupnya	Menjadi jahat atas pilihan sendiri	Jahat
Gagak bersuara murai	Rupanya hodoh tetapi suaranya merdu dan baik budi bahasanya	Hodoh; berbudi-bahasa
Gagak putih, bangau hitam	Mengharapkan yang mustahil	Harapan

Jadual 1 menunjukkan peribahasa Melayu yang menggunakan imej perlambangan burung gagak secara semantik skrip. Seterusnya, pengkaji akan mengaplikasikan RRS dengan TR untuk dikaitkan dengan teori dan konteks. Peringkat ini dinamakan sebagai semantik resonans, dan merupakan penambahbaikan pemberian makna peribahasa di peringkat semantik skrip.

Refleksi Gagak Berkonsepkan “Rupa yang Buruk”

Konsep “rupa yang buruk” dapat dilihat melalui peribahasa Melayu “bagai gagak menggonggong telur” yang bermaksud perempuan hodoh yang berpakaian bagus (Said, 2013). Para pendengar ataupun pembaca perlu mempunyai rujukan yang berasal daripada pengalaman ataupun pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan perkaitan yang optimum. Jadi, RRS dibentuk oleh pendengar melalui contoh ayat ini:

Jasmin yang berbadan gemuk itu ***bagai gagak menggonggong telur***

↙

↗

apabila dia memakai baju kebaya.

↙

(Sumber: Said, 2013)

Berdasarkan contoh ayat tersebut, frasa yang bergaris dapat dijadikan sebagai maklumat tambahan kepada pembaca ataupun pendengar bagi menginterpretasikan makna peribahasa “bagai gagak menggonggong telur”. Peribahasa ini biasanya digunakan oleh masyarakat Melayu ketika melihat seseorang perempuan yang mempunyai penampilan yang hodoh ataupun rupa yang buruk, tetapi berpakaian cantik.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Bagi memahami makna sebenar peribahasa tersebut, pendengar perlu mempunyai rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan relevan yang maksimum (Abdullah & Daud, 2020). Pembaca secara tidak langsung akan memahami peribahasa dengan bantuan maklumat tambahan yang diberikan dalam sesuatu ujaran. RRS yang dibentuk oleh pendengar melalui maklumat tambahan itu ialah:

1. Seorang perempuan hodoh berpakaian cantik.

Andaian ini dihasilkan berdasarkan dua klausula dalam contoh ayat iaitu “Jasmin yang berbadan gemuk” dan “memakai baju kebaya”. Adjektif “gemuk” secara tidak langsung menyebabkan pendengar membayangkan unsur-unsur yang negatif dan rupa serta penampilan seorang perempuan yang bernama Jasmin dalam konteks ayat tersebut. Merujuk kepada peribahasa itu sendiri, seekor gagak yang dapat diandai oleh pembaca sebagai seekor burung berwarna hitam dan sedang menggonggong telur yang dapat digambarkan mempunyai sifat permukaan kulit yang licin dan berwarna putih. Kedua-dua objek ini telah menunjukkan perbezaan yang sangat ketara antara seekor gagak dan telur.

Analisis Teori Relevans

Pendengar boleh mentafsir makna ujaran bagi peribahasa bagi “gagak menggonggong telur” dengan mudah kerana adanya maklumat tambahan yang diberikan melalui RRS. Penggunaan anteseden “berbadan gemuk” dan “memakai baju kebaya” membolehkan pendengar mendapatkan kesan kognitif yang tinggi. Anteseden tersebut telah memberi gambaran yang jelas kepada pendengar iaitu seorang wanita yang berbadan gempal sedang menggayakan dirinya dengan berbaju kebaya. Berdasarkan pengamatan pendengar kebiasaan wanita yang memiliki badan yang langsing, tubuh badan dan rupa yang cantik sahaja memakai baju kebaya. Dengan adanya kesan kognitif yang tinggi, pendengar sudah boleh mentafsir makna sebenar peribahasa tersebut dengan lebih mudah lagi. Jadi secara tidak langsung, RRS tersebut membantu memberi kesan kognitif yang tinggi kepada pendengar untuk memahami peribahasa ini. Berdasarkan TR, jika kesan kognitif itu tinggi, maka usaha memproses makna tersebut secara tidak langsung menjadi rendah (Samaon & Subet, 2020a, 2020b). Dengan pengetahuan yang sedia ada yang dibekalkan melalui konteks tadi, pembaca dapat memikirkan dan mengaitkan imej gagak yang berwarna hitam diabstrakasikan sebagai seorang perempuan yang hodoh iaitu “rupa yang buruk”, manakala telur yang mempunyai permukaan kulit yang licin dan mengandungi protein yang tinggi dan sumber vitamin serta mineral pula diabstrakasikan sebagai berpakaian cantik (berkebaya) seperti contoh ayat tersebut.

Seterusnya, peribahasa “gagak bersuara murai” yang bermaksud rupanya hodoh, tetapi suaranya merdu dan baik budi bahasanya (Hussain, 2016). Makna harfiah bagi peribahasa tersebut boleh difahami oleh pembaca ataupun pendengar dengan merujuk

maknanya di kamus ataupun melalui pengetahuan pendengar yang sedia ada. Jadi, bagi mendapatkan perkaitan yang lebih optimum, para pendengar perlu mempunyai rujukan, pengalaman dan pengetahuan yang lebih mendalam bagi menginterpretasikan makna peribahasa tersebut. Dengan adanya RRS ataupun konteks andaian, pendengar boleh membentuk satu andaian iaitu:

Penyanyi yang berkulit hitam dan rupanya yang tidak menarik itu diminati di
 seluruh dunia kerana mempunyai suara yang merdu dan pandai mengambil
hati peminat. Dia seperti *****gagak bersuara murai*****.
↑

(Sumber: Said, 2013)

Contoh ayat tersebut mengandungi empat maklumat tambahan bagi memudahkan pendengar menginterpretasikan makna sebenar yang dihajati. Peribahasa ini kebiasaannya digunakan oleh masyarakat untuk menggambarkan seseorang yang mempunyai suara yang lunak dan merdu serta mempunyai budi pekerti yang tinggi akan tetapi rupa parasnya tidak cantik ataupun hodoh. Dengan adanya andaian melalui RRS, pendengar akan dapat memahami perkaitan dalam peribahasa ini dengan lebih mendalam lagi.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Bagi memahami makna peribahasa tersebut, pendengar perlu mempunyai rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan relevan yang maksimum. Pembaca secara tidak langsung akan memahami peribahasa ini walaupun tidak mengetahui makna di sebalik peribahasa tersebut dengan adanya maklumat tambahan yang diberikan. Berdasarkan anteseden “berkulit hitam”, “rupanya yang tidak menarik”, “mempunyai suara yang merdu” dan “pandai mengambil hati peminat”, pendengar mampu memahami ujaran terebut dan selanjutnya dapat mengaitkannya dengan peribahasa “gagak bersuara murai”. RRS yang dibentuk oleh pendengar melalui maklumat tambahan itu ialah:

1. Seseorang yang mempunyai rupa yang tidak menarik akan tetapi memiliki suara yang merdu.

Analisis Teori Relevans

Melalui RRS yang dikemukakan, peribahasa tersebut telah memberikan kesan kognitif yang tinggi. Anteseden seperti “berkulit hitam”, “rupanya yang tidak menarik”, “mempunyai suara yang merdu” dan “pandai mengambil hati peminat” yang diberikan di dalam RRS membolehkan pendengar untuk memproses makna tersirat peribahasa

tersebut dengan lebih mudah lagi. Anteseden “*berkulit hitam*” dan *rupanya yang tidak menarik* secara tidak langsung dapat dikaitkan dengan gambaran “gagak” bagi peribahasa ini. Seiring dengan keadaan fizikal seekor burung gagak yang berwarna hitam. Manakala anteseden mempunyai suara merdu dan pandai mengambil hati peminat pula dapat dikaitkan dengan frasa “bersuara murai”

Hal ini demikian kerana, burung murai dikenali sebagai seekor jenis burung yang mempunyai kicauan yang merdu bahkan burung murai juga sangat terkenal dalam kalangan penggemar burung kerana burung ini mudah dijinakkan dan patuh pada tuannya. Jadi, peribahasa gagak bersuara murai menggunakan imej gagak yang memiliki bulu yang hitam sebagai gambaran kepada seseorang yang rupanya hodoh akan tetapi memiliki suara yang merdu seperti kicauan burung murai. Dengan adanya maklumat rujukan melalui RRS, kesan kognitif pendengar terhadap makna peribahasa tersebut juga meningkat lalu merendahkan usaha memproses pendengar dalam menginterpretasikan makna peribahasa ini.

Refleksi Gagak Berkonsepkan “Sesuatu yang Lemah”

Peribahasa yang mempunyai imej perlambangan gagak berkonsepkan “sesuatu yang lemah” ialah *gagak pulang ke benua*. Peribahasa tersebut bermaksud pulang daripada merantau tetapi tidak tetap berubah dan terletak di bawah nilai miskin. Bagi mendapatkan perkaitan yang lebih relevan, pendengar mahupun pembaca memerlukan pengetahuan yang sedia ada, pengalaman dan maklumat rujukan bagi memudahkan interpretasi makna yang sebenar. Oleh itu, RRS yang dibentuk oleh pendengar ialah:

Encik Ahmad yang baru sahaja pulang ke kampungnya masih kekal miskin



seperti dahulu walaupun setelah sekian lama merantau di negeri orang. Dia



tidak ubah seperti *****gagak peluang ke benua*****.



(Sumber: Said, 2013)

Berdasarkan contoh ayat di atas, terdapat maklumat rujukan yang boleh membantu pendengar mendapatkan perkaitan makna sebenar pada tahap yang unggul. Peribahasa ini kebiasaannya digunakan oleh masyarakat untuk merujuk kepada seseorang yang sudah lama merantau di tempat orang tetapi nasibnya masih kekal sama setelah balik ke kampung halaman.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Bagi memahami makna peribahasa tersebut, pendengar perlu mempunyai rujukan yang berasal daripada pengalaman atau pengetahuan sedia ada untuk

mendapatkan relevan yang maksimum. Pembaca secara tidak langsung akan memahami peribahasa ini walaupun tidak mengetahui makna di sebalik peribahasa tersebut dengan adanya maklumat tambahan yang diberikan. Jadi, andaian yang mungkin dapat dibentuk oleh pendengar berdasarkan maklumat tambahan tersebut ialah:

1. Pulang dari merantau, tetapi tidak tetap berubah.

Andaian ini dibentuk berdasarkan anteseden “pulang”, “kekal miskin” dan “setelah lama merantau di negeri orang”. Leksikal “pulang” secara langsung mempunyai persamaan penggunaannya dalam peribahasa gagak “pulang” ke benua.

Analisis Teori Relevans

Dengan RRS yang dibina oleh pendengar mahupun pembaca berdasarkan pengetahuan ataupun pengalaman yang sedia ada, pendengar boleh mentafsir makna peribahasa gagak pulang ke benua dengan lebih mudah. Hal ini selanjutnya akan memberi kesan kognitif yang tinggi dan merendahkan usaha memproses pendengar kerana mempunyai maklumat rujukan yang cukup untuk memahami makna peribahasa tersebut. Berdasarkan contoh ayat yang diberikan, pendengar boleh membuat andaian seekor gagak yang berbulu hitam akan tetap kekal rupanya apabila ia pulang ke benua walaupun burung gagak tersebut telah terbang beribu kilometer jauh sekalipun. Melalui RRS, imej perlambangan burung gagak dikaitkan dengan seorang individu yang pergi merantau untuk mengubah corak kehidupannya, tetapi tetap balik dengan nasib yang sama dan tidak berubah. Hal ini tidak ubah seperti burung gagak yang kekal berbulu hitam setelah balik ke benua.

Refleksi Gagak Berkonsepkan “Impian yang Tidak Kesampaian”

Konsep “impian yang tidak kesampaian” dapat dilihat melalui peribahasa “gagak putih, bangau hitam”. Makna peribahasa “gagak putih, bangau hitam” ialah mengharapkan sesuatu yang mustahil (Said, 2013). Peribahasa ini jelas menujukkan bahawa seseorang itu menantikan sesuatu yang mustahil akan berlaku seperti bulu seekor gagak yang berwarna hitam akan menjadi putih dan sebaliknya bagi seekor bangau. Jadi, pendengar harus mempunyai rujukan daripada pengalaman ataupun pengetahuan yang sedia ada bagi memperoleh perkaitan yang lebih unggul berkenaan dengan peribahasa tersebut. Maka, konteks andaian yang mungkin dibentuk oleh pendengar berdasarkan peribahasa tersebut ialah:

Sikap Faizul yang hanya duduk di rumah dan mengharapkan seseorang datang

untuk menawarkan pekerjaan kepadanya serupalah dengan

*****gagak putih bangau hitam***.**



(Sumber: Said, 2013)

Contoh ayat ini dapat membantu pendengar memahami maksud peribahasa tersebut, walaupun tidak mengetahui makna peribahasa sebelum ini. Rujukan maklumat tambahan “mengharapkan seseorang datang untuk menawarkan pekerjaan kepadanya” sedikit sebanyak membantu pembaca untuk menginterpretasikan makna tersirat peribahasa “gagak putih bangau hitam” dengan lebih baik.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Bagi menginterpretasikan peribahasa ini, pendengar perlu mempunyai rujukan melalui pengetahuan sedia ada pendengar itu sendiri untuk mendapatkan relevan yang maksimum. RRS yang dibentuk oleh pendengar adalah:

1. Mengharapkan sesuatu yang mustahil.

Andaian tersebut dibentuk berdasarkan anteseden mengharapkan seseorang datang untuk menawarkan pekerjaan kepadanya. Perkataan “mengharapkan” memainkan peranan yang penting dalam contoh ayat tersebut bagi menginterpretasikan makna peribahasa “gagak putih, bangau hitam”. Maklumat rujukan yang diberikan dalam contoh ayat tersebut secara tidak langsung membantu pendengar untuk memahami peribahasa tersebut dengan lebih baik.

Analisis Teori Relevans

Maklumat rujukan “mengharapkan seseorang datang untuk menawarkan pekerjaan kepadanya” sememangnya memberi kesan kognitif yang tinggi kepada pendengar untuk memahami makna tersirat peribahasa tersebut. Pendengar mampu memahami peribahasa ini dan seterusnya mengetahui secara tersurat burung gagak sememangnya berbulu berwarna hitam dan burung bangau pula berwarna putih di seluruh tubuhnya. Perkara ini telah membantu pendengar memperoleh kesan kognitif tinggi dan memudahkan usaha memproses pendengar untuk memahami makna tersirat peribahasa tersebut. Pendengar juga dapat mengaitkan dengan pengalaman hidup mereka sendiri mengenai sifat semula jadi kedua-dua jenis burung kerana seekor gagak yang berwarna putih ataupun bangau yang berwarna hitam adalah sangat mustahil. Andaian yang wujud ini boleh berdiri kukuh kerana TR membenarkan kita untuk memikirkan andaian-andaian yang akan membantu dalam menginterpretasikan makna yang sebenarnya.

Refleksi Gagak Berkonsepkan “Kesukaran untuk Berubah”

Peribahasa “burung gagak itu jika dimandikan dengan air mawar sekalipun, tidak akan menjadi putih bulunya” bermaksud orang biasa jahat itu biar bagaimanapun

dinasihatkan, namun tabiatnya tidak dapat diubah (Said, 2013). Peribahasa ini dapat diklasifikasikan dalam nilai kejahatan. Andaian yang dapat difikirkan oleh pendengar melalui RRS ialah:

Adapun dari hal Tuan Raffles itu sebab kurang siasatnya akan mengerjakan pekerjaan yang besar itu menjadi sesallah ia pada kemudiaannya tiada guna. Karena telah diketahuinya tabiat manusia yang jahat itu sangatlah susahnya hendak membaiki akan dia melainkan ia mendapat petunjuk daripada Allah. Seperti kata arif burung ***gagak itu jikalau dimandikan dengan air mawar sekalipun, tiada akan menjadi putih bulunya***, yang hitam itu adanya.

(Sumber: Said, 2013)

Terdapat dua maklumat rujukan dalam ayat ini yang boleh membantu pendengar menginterpretasikan makna yang diingini. Anteseden “tabiat manusia yang jahat” dan “sangatlah susahnya hendak membaiki akan dia melainkan ia mendapat petunjuk daripada Allah” boleh dijadikan rujukan oleh pendengar untuk memahami makna peribahasa ini.

Analisis Rangka Rujuk Silang

Berdasarkan maklumat tambahan yang diberikan, pendengar mampu memahami peribahasa tersebut seterusnya mengetahui bahawa burung gagak yang berbulu hitam legam di seluruh tubuhnya tidak akan bertukar menjadi putih walau disiram dengan menggunakan air mawar. Jadi, konteks andaian yang dibentuk oleh pendengar ialah:

1. Orang biasa jahat itu biar bagaimanapun dinasihatkan, namun tabiatnya tidak dapat diubah.

Analisis Teori Relevans

Berdasarkan andaian yang dibuat berdasarkan konteks, peribahasa ini sebenarnya mempunyai kesan kognitif yang sangat tinggi. Melalui anteseden “tabiat manusia yang jahat dan sangatlah susahnya hendak membaiki akan dia melainkan ia mendapat petunjuk daripada Allah”, pendengar boleh memahami makna peribahasa yang diberikan pada ayat ketiga. Maklumat tambahan yang diberikan dalam contoh ayat


tersebut menerangkan bahawa seseorang yang jahat itu sangat susah untuk kita nasihatkannya untuk berubah kerana sudah terbiasa berbuat jahat melainkan individu tersebut mendapat hidayah daripada Allah. Apabila kesan kognitif tinggi, maka usaha memproses pendengar secara tidak langsung menjadi rendah. Bertitik tolak daripada konteks tersebut, pendengar secara tidak langsung juga dapat mengaitkan sikap seseorang yang berbuat jahat dengan gagak yang mempunyai tubuh badan yang hitam. Anteseden “jahat” dan “hitam” kedua-duanya mempunyai aura yang negatif, maka bagi peribahasa tersebut burung gagak dijadikan sebagai gambaran seseorang yang mempunyai perwatakan yang jahat. Air mawar pula sangat terkenal dalam dunia kecantikan kerana air mawar boleh mencerahkan kulit wajah (Seli, 2018). Peribahasa ini menyatakan bahawa burung gagak itu jika dimandikan dengan air mawar sekalipun, tiada akan putih bulunya. Hal ini menjelaskan bahawa warna burung gagak yang hitam tidak akan berubah dan akan tetap kekal hitam waima dimandikan dengan air mawar sekalipun. Berkesinambungan dengan sikap seseorang yang sudah biasa berbuat jahat, walaupun seseorang menasihatinya untuk berubah, dia tetap tidak akan berubah. Hal ini seterusnya secara tidak langsung memberikan kesan kognitif yang tinggi kepada pendengar ditambahkan lagi dengan adanya maklumat tambahan melalui RRS.

Pengaplikasian Semantik Inkuisitif dalam Peribahasa Melayu Berunsurkan Gagak

Pada bahagian ini, pengkaji akan mempersoalkan pemilihan leksikal yang terdapat dalam peribahasa berunsurkan gagak ini. Oleh itu, berikut merupakan leksikal/frasa tambahan yang berkolokasi dengan peribahasa berunsurkan gagak ini.

Rajah 2

Leksikal/Frasa Tambahan dalam Pembentukan Peribahasa Berunsurkan Gagak



Dalam peribahasa Melayu berunsurkan gagak, burung ini turut digandingkan dengan imej perlambangan burung yang lain contohnya, burung murai dan bangau. Menurut Nopiah et al. (2017) dalam kajian peribahasa Melayu konsep dikenali sebagai “dualisme”. Konsep ini dibentuk berdasarkan penilaian orang Melayu pada masa lalu terhadap sifat dan tingkah laku orang di sekelilingnya, objek dan imej yang mereka lihat, rasa dan dengar lazimnya bersumberkan alam.

Jadual 2

Imej Perlambangan Burung Gagak Berasosiasi dengan Burung Murai dan Bangau dalam Peribahasa Melayu

Imej burung	Nilai positif	Nilai negatif
Gagak	X	Rupa yang buruk, kelemahan, impian yang tak kesampaian, sukar untuk berubah
Murai	Ahli dalam bidangnya, waktu (masa)	Bercakap banyak dan kecoh
Bangau	Jati diri	Berkepentingan diri, tidak tetap pendirian, iri hati

(Sumber: Wan Ismail, 2016)

Kenapa masyarakat Melayu pada zaman dahulu melambangkan jenis burung ini, malahan menggantikan sifat zoologi burung tersebut antara satu sama lain? Contohnya, peribahasa “gagak putih, bangau hitam”. Melalui sudut SI, peribahasa “gagak putih bangau hitam” menimbulkan banyak persoalan kepada pendengar. Mengapa masyarakat Melayu menggunakan kata adjektif “hitam” dan “putih” dalam peribahasa tersebut dan kenapa imej perlambangan yang digunakan ialah burung gagak dan burung bangau? Kata adjektif “putih” dapat diertikan sebagai warna yang paling cerah seperti warna kapas dan berlawanan dengan warna hitam. Warna putih juga dikonsepsikan sebagai warna yang bersih, suci dan murni (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016).

Dari sudut pandangan psikologi, warna putih dikaitkan dengan unsur-unsur yang positif seperti unsur kemurnian, kesucian, keselamatan, kecemerlangan, syurga, kebersihan, keimanan, kesempurnaan dan sebagainya (Kusrianto, 2009). Warna putih juga mampu untuk mengurangi rasa takut dan gusar kerana warna ini memberi kesan kebebasan dan keterbukaan. Warna putih dianggap sebagai satu warna yang murni, suci dan bersih kerana warna putih tidak memerlukan apa-apa campuran (Abdullah, 2018).

Sebaliknya warna hitam menggambarkan makna yang bertentangan dengan sifat warna putih. Warna hitam didefinisikan sebagai warna seperti arang, lawan putih, dianggap tidak selamat. Menurut Abdullah (2018), kebanyakan orang akan takut dengan warna hitam kerana ramai yang percaya bahawa warna hitam mengundang bala, suram dan ketakutan. Walau bagaimanapun, warna hitam juga ditakrifkan sebagai warna yang misteri, kebebasan, dramatis dan kesunyian. Dalam dunia fesyen, warna hitam digolongkan sebagai warna yang solid, tegas, kuat dan bila dikombinasikan, warna hitam akan menyerlahkan hasil yang lebih menarik (Ibrahim & Halid, 2020). Jadi, berbalik kepada peribahasa Melayu iaitu “gagak putih, bangau hitam”, peribahasa ini jelas menunjukkan sifat fizikal yang bertentangan mengenai kedua-dua jenis burung tersebut.

Dari segi pengetahuan masyarakat Melayu yang sedia ada, mereka sedia maklum bahawa burung gagak ataupun nama saintifiknya *Corvus* memiliki tubuh atau bulu badan, paruh dan kaki yang berwarna hitam, manakala telur burung gagak pula berwarna biru berbintik hitam. Hal ini dapat membuktikan bahawa warna hitam dan

burung gagak berpisah tiada kerana burung gagak sememangnya sangat signifikan dikaitkan dengan warna hitam. Manakala, burung bangau pula ataupun nama saintifiknya *bulbucus* merupakan sejenis burung bangau yang terdapat di Malaysia yang berasal daripada keluarga *Ardeidae*. Kebiasaannya burung bangau mempunyai tubuh badan ataupun bulu yang berwarna putih dan kakinya berwarna kehitam-hitaman (Anim, 2018).

Akan tetapi peribahasa Melayu tersebut meletakkan ciri-ciri yang bertentangan di mana gagak dikatakan berwarna putih, manakala bangau dikatakan berwarna hitam. Secara fitrahnya, bagi menemukan seekor gagak yang berwarna putih dan bangau yang berwarna hitam sememangnya satu perkara yang mustahil untuk berlaku. Oleh itu, peribahasa ini dapat dikaitkan secara langsung dengan situasi mengharapkan sesuatu yang mustahil (Said, 2013).

Selain itu, peribahasa berunsurkan burung gagak turut diasosiasikan dengan mandi bunga mawar. Melalui perspektif SI, peribahasa Melayu ini menggunakan perlambangan “air mawar” bagi memutihkan bulu burung gagak. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), air mawar merupakan air yang harum baunya iaitu air yang disuling daripada bunga mawar. Mandi pula ialah satu perbuatan mencuci ataupun membasuh tubuh dengan air. Jadi, mandi air mawar dapat diklasifikasikan sebagai membersihkan tubuh dengan menggunakan air yang telah disulingkan daripada bunga mawar.

Dalam masyarakat Melayu, mandi air mawar merupakan salah satu adat istiadat yang diamalkan oleh masyarakat tersebut dengan alasan untuk “membuang sial”, membuang nasib malang atau nasib kurang baik dalam tubuh seseorang (Seli, 2018). Adat ini pula sebenarnya berasal daripada adat kaum Jawa dan mandi air mawar dalam masyarakat Jawa juga bertujuan untuk membuang sial ataupun mengelak daripada berlaku sebarang malapetaka yang boleh menjelaskan kehidupan mereka suatu hari kelak (Erwany, 2016). Adat mandi air mawar ini menggunakan pelbagai jenis bunga-bungaan dalam angka ganjil iaitu sama ada tujuh, sembilan ataupun 11 jenis bunga bersama dengan limau purut (Abdullah et al., 2019).

Mokhtar et al. (2018) ada menyenaraikan beberapa jenis bunga yang digunakan dalam adat mandi air mawar berserta dengan fungsinya. Antara jenis bunga-bunga yang digunakan di dalam adat mandi air mawar dalam masyarakat Melayu ialah bunga mawar merah untuk tujuan berani, bertenaga dan berkeyakinan tinggi, bunga mawar putih untuk rasa segar, nyaman dan suci, bunga cempaka putih dan kuning untuk tujuan melembutkan kulit dan aroma yang harum, melur kuning untuk menyucikan dalaman, melur putih pula untuk merapatkan bahagian intim. Manakala, bunga kenanga berfungsi untuk menaikkan seri. Masyarakat Melayu percaya bahawa penggunaan bunga-bunga tersebut dalam adat mandi air mawar boleh memberikan aura yang positif kepada gadis yang mencari jodoh ataupun untuk menaikkan seri pengantin sebelum bergelar raja sehari (Paul et al., 2019).

Berdasarkan pemilihan jenis bunga yang dinyatakan, hal ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat Melayu bijak memilih jenis-jenis bunga kerana fungsi-fungsi bunga tersebut bukannya sekadar kepercayaan karut semata-mata. Jadi, apakah perkaitan

mandi air mawar dalam adat istiadat masyarakat Melayu dengan peribahasa ini? Berdasarkan pengetahuan yang sedia ada mengenai mandi air mawar dalam kalangan masyarakat Melayu bertujuan untuk membuang nasib malang, menjauhkan diri seseorang daripada ditimpak malapetaka, menaikkan seri wajah seseorang dan untuk memberikan aura positif kepada seseorang itu.

Apakah falsafah masyarakat Melayu pada zaman dahulu mengaitkan mandi air mawar dengan intuisi burung gagak? Hal ini secara tidak langsung dapat dikaitkan dengan keadaan fizikal burung gagak yang berwarna hitam tubuhnya dan mempunyai aura yang negatif misalnya burung gagak merupakan lambang pembawa sial, tanda penyihir jahat, tanda membawa kematian dan sebagainya. Hal ini seterusnya dapat dikaitkan dengan makna implisit peribahasa tersebut iaitu sikap seseorang yang jahat, jika dinasihatkan macam mana sekalipun tidak akan berubah, melainkan individu tersebut mendapat hidayah daripada Allah SWT.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu tidak melihat imej perlambangan burung gagak secara “mata zahir”, tetapi dengan “mata hati”. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun kajian terkini sudah membuktikan bahawa burung gagak sebagai burung yang pintar, dapat menyelesaikan masalah dengan baik dan boleh mengekspresikan perasaan yang kompleks seperti memberi tindak balas jika berlakunya kematian. Tetapi, apa membuktikan “mata hati” masyarakat Melayu begitu tajam adalah kerana dapat menyangkal kajian saintifik burung gagak yang mengekspresikan perasaan yang kompleks seperti memberi tindak balas jika berlakunya kematian, tetapi secara zoologinya burung ini dikenali sebagai pemakan bangkai. Masyarakat Melayu merelasikan kelakuan ini dengan sikap seseorang yang khianat, tikam belakang, ada kepentingan tersendiri dan sentiasa menunggu masa untuk menjatuhkan seseorang. Oleh sebab itulah, masyarakat Melayu masih mengasosiasikan imej perlambangan burung gagak ini dengan perkara yang negatif, walaupun secara zoologi burung gagak ada sifat yang positif. Selain itu, kajian mengenai peribahasa sebelum ini telah dikaji secara semantik skrip dan semantik resonans sehingga dapat menghuraikan makna tersurat dan makna tersirat, teoretikal (tidak pada pengalaman atau amalan) dan kognitif penuturnya. Namun begitu, hajat sebenar yang ingin disampaikan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu masih belum mencukupi. Sebagai penambahbaikan kajian-kajian lepas, pendekatan merentas disiplin ilmu iaitu semantik inkuisitif berupaya mengaitkan akal budi penutur sehingga jawapan pemilihan imej perlambangan burung gagak dapat dijawab dengan berwibawa. Kajian ini juga mencadangkan supaya pengkaji akan datang meneroka imej perlambangan burung secara khusus seperti “merak”, “pipit”, “enggang” dan sebagainya, di samping mengaplikasikan SI sebagai tatacara menganalisis data.

Rujukan

- Abdullah, F. S. (2018, Julai 2). *Warna dan psikologi*. MyHEALTH-Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.myhealth.gov.my/warna-dan-psikologi/>
- Abdullah, N. A., & Daud, M. Z. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus: Analisis Pragmatik. *LSP International Journal*, 7(1), 61-79.
- Abdullah, W. H. W., Hamdan, M. N., Hehsan, A., Haron, Z., Rosman, A. S., & Ripin, M. N. (2019). Terapi mandi bunga dalam perubatan Melayu untuk penjagaan kesihatan mental. *UMRAN: International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2), 123-135.
- Anim, H. (2018, Disember 21). *Burung bangau di Malaysia*. <https://animhosnan.blogspot.com/2018/12/burung-bangau-di-malaysia.html>
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 3(1), 19-28.
- Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif* (Tesis Sarjana, Universiti Malaysia Sarawak).
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). “Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik”: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019c, Oktober 17-18). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Kertas persidangan yang dibentang pada Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2021). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu. *Kajian Malaysia*. http://web.usm.my/km/earlyView_May2021/16_KM-OA-06-19-0071.R4.pdf
- Erwany, L. (2016). *Tradisi lisan malam berinai pada masyarakat Melayu Tanjung Balai* (Disertasi Kedoktoran, Universitas Sumatera Utara).
- Hadi, F. L. (2018). Kajian makna dan nilai budaya peribahasa Jepang dan Indonesia yang menggunakan unsur nama binatang. *GoKen*, 6(2), 1-9.
- Hussain, A. (2016). *Kamus istimewa peribahasa Melayu* (2nd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, S., & Halid, R. I. R. (2020). Grafik dan muzik: Analisis reka bentuk kulit album. *Jurnal Komunikasi*, 36(4), 369-394.
- Ismail, W. N. I. (2016). *Haiwan dalam peribahasa Melayu: Analisis semiotik* (Tesis sarjana, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia).

- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karar, A., Ningsih, S., & Ihsan, M. (2016). Keanekaragaman jenis burung di hutan primer di Suaka Margasatwa Pulau Pasoso Kecamatan Balaesang Tanjung Kabupaten Donggala. *Jurnal Warta Rimba*, 4(2), 1-8.
- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. Dalam C. Travis (Pnyt.), *Meaning and interpretation* (pp. 135-154). Basil Blackwell.
- Kusrianto, A. (2009). *Pengantar desain komunikasi visual*. Penerbit Andi.
- Miles, M. B., & Huberman. (1994). *Qualitative data analysis*. Sage Publication
- Mokhtar, N. A., Sidek, J. H., Mahyuddin, M. K., Zumrah, A. R., Ismail, M., Sabran, R., & Ghazali, M. R. (2018). Isu dan masalah akidah dan syariah dalam pengubatan spiritual Islam di kalangan masyarakat Islam di Malaysia. *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah*, 1(2), 131-154.
- Nopiah, J., Jalaluddin, N. H., & Kasdan, J. (2017). Refleksi dualisme ‘Durian-Timun’ dalam peribahasa Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 21(2), 1-14.
- Oemiati, S. (2010). Gaya bahasa perumpamaan simile dalam novel Yukiguni karya Yasunari Kawabata. *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 6(2), 135-145.
- Paul, D., Hamzah, N. S., & Hamid, T. N. A. T. A. (2019). Interpretasi ritual mandi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(2), 257-269.
- Rahman, M. T. A. (2017). *Kamus peribahasa Melayu untuk pelajar*. Penerbit Fajar Bakti.
- Rahman, N. A. A., Fadzly, N., Dzakwan, N. M., & Zulkifli, N. H. (2014). The numerical competency of two bird species (*Corvus splendens* and *acridotheres tristis*). *Tropical Life Sciences Research*, 25(1), 95-103.
- Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Said, S. H. (2013). *Kamus peribahasa Melayu*. Penerbitan Pelangi.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020a). Perwatakan dalam novel KOMSAS “Di Sebalik Dinara”: Analisis teori relevan. *Asian People Journal*, 3(1), 84-100.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020b). Teori relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, 2(4), 47-54.
- Seli, S. (2018). *Kearifan tempatan dalam cerita rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik* (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaya).
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publishers.
- Studios, M. L. (2020, Mei 17). Burung gagak ingat muka kita. <https://www.youtube.com/watch?v=oVEPkLV3EWc>
- Syauqi, D., Budiwigirman, M. P., & Yofita, S. P. (2018). Burung gagak sebagai ide dalam karya seni grafis. *Serupa: The Journal of Art Education*, 7(1), 1-20.

- Werema, C. (2015). Under storey bird abundance and diversity before and after a forest fire in Mangala Forest Reserve on the eastern slopes of the Uluguru Mountains, Tanzania. *Journal of East African Ornithology*, 34(1), 40-46.
- Widuri, A. N. (2017). *Analisis makna chengyu yang menggunakan unsur binatang berdasarkan konotasi dan fungsinya* (Tesis sarjana, Universitas Negeri Semarang).
- Zulbadri, B. S., Zuki, N. W. C. M., Tumiran, M. A., Kamarulzaidi, M. A., Musa, M. N., Saat, R. M., ... Yusoff, M. Y. Z. H. M. (2011). Kelakuan burung: Analisis perbandingan dari perspektif rujukan berteraskan Al-quran dan neurosains. *QURANICA: International Journal of Quranic Research*, 1(1), 139-164.

SOROTAN SEMULA TATABAHASA DEWAN

Khairul Taufiq ABU BAKAR^{*1}

Nor Hashimah JALALUDDIN²

Fazal Mohamed MOHAMED SULTAN³

^{1,2,3}Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik

Universiti Kebangsaan Malaysia

¹taufiq_urasmi@yahoo.com.my

²shima@ukm.edu.my

³fazal@ukm.edu.my

Manuscript received 4 June 2021

Manuscript accepted 6 September 2021

**Corresponding author*

<https://doi.org/10.33736/ils.3448.2021>

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan perihal contoh-contoh penggunaan kata kerja yang boleh juga mendukung makna tersirat yang mengikut acuan teori tatabahasa yang berasaskan konsep Transformasi-Generatif didapati boleh juga melanggar sekatan pilihan. Walau bagaimanapun, contoh-contoh penggunaan kata kerja yang boleh juga mendukung makna tersirat tersebut memerlukan perspektif pragmatik melalui pengaplikasian Teori Relevans bagi membolehkan penginterpretasian makna yang lebih mendalam dan sempurna dapat dilakukan. Kajian ini yang tergolong sebagai kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen dengan memfokuskan reka bentuk kajian analisis kandungan. Di samping itu, tinjauan melalui borang soal selidik terhadap 96 orang pelajar tingkatan enam juga turut dilakukan bagi melihat keberkesanan Tatabahasa Dewan dalam menghuraikan aspek golongan kata kerja yang selama ini hanya memfokuskan contoh-contoh penggunaan kata kerja yang mendukung makna tersurat semata-mata. Kajian ini mendapat bahawa pengaplikasian Teori Relevans dalam bidang ilmu pragmatik sememangnya telah terbukti dapat membantu menyelesaikan fenomena pelanggaran sekatan pilihan yang melibatkan contoh-contoh penggunaan kata kerja yang boleh juga mendukung makna tersirat. Dapatkan kajian daripada kajian ini diharapkan dapat membantu para penulis Tatabahasa Dewan untuk memperoleh input-input baharu yang bermanfaat. Seterusnya, tokok tambah yang masih boleh dilakukan

oleh para penulis Tatabahasa Dewan diharapkan dapat membantu mengukuhkan lagi kredibiliti dan kewibawaan Tatabahasa Dewan itu sendiri sebagai buku “tatabahasa pegangan”.

Kata Kunci: Tatabahasa bahasa Melayu; kata kerja bahasa Melayu; sekatan pilihan; kiasan; semantik; pragmatik

REVISITING TATABAHASA DEWAN

ABSTRACT

This study discussed the examples of verbal use that supports the implied meaning of grammatical theory based on the Transformative-Generative concept that may also violate selectional restrictions. However, the examples of verb use that also support implied meanings necessitates the application of the pragmatic perspective within the purview of the Relevance Theory to ensure a deeper, thorough and more holistic interpretation of meaning. This study is a qualitative study. It adopted the document analysis method and focused on the content analysis study design. Additionally, a questionnaire was also conducted involving 96 form six students to gauge the effectiveness of the Tatabahasa Dewan in explaining aspects of the verb group that have been focusing only on the examples of verb usage which exclusively supports literal meaning. This study found that the application of the Relevance theory in the pragmatics has assisted in solving the phenomenon of selectional restrictions; particularly the verb usage examples that support implied meanings. The findings of this study are expected to provide the writers of the Tatabahasa Dewan with fresh and useful inputs. Furthermore, future additions to the Tatabahasa Dewan are expected to further strengthen the credibility and authority of Tatabahasa Dewan as a “grammar reference” book.

Keywords: Malay grammar; Malay verbs; selectional restrictions; figure of speech; semantics; pragmatics

Pendahuluan

Hakikatnya, sejak terbitnya Tatabahasa Dewan sebagai buku “tatabahasa pegangan” pada tiga dekad yang lalu, pengkaji mendapati bahawa para pengguna bahasa Melayu khususnya murid-murid sekolah rendah dan juga para pelajar sekolah menengah hanya didedahkan kepada contoh-contoh penggunaan kata kerja yang mematuhi sekatan pilihan semata-mata sedangkan dalam keadaan yang tertentu terdapat juga contoh-contoh penggunaan kata kerja yang sudah pun terbukti boleh melanggar sekatan

pilihan. Walau bagaimanapun, apa yang menariknya tentang contoh-contoh penggunaan kata kerja yang sudah pun terbukti boleh melanggar sekatan pilihan tersebut ialah setiap konstruksi ayat yang berhasil masih boleh dianggap sebagai gramatis dan juga bermakna. Apa yang pasti, sekatan pilihan mengikut acuan teori tatabahasa yang berdasarkan konsep Transformasi-Generatif sudah pun dibahaskan sejak tahun 1965 oleh Noam Chomsky sendiri (Omego, Anyanwu, & Onyebuchulam, 2012; Singer, 2016), bahkan masih belum menemui titik noktahnya dan masih lagi rancak dibahaskan hingga ke hari ini boleh ditakrifkan sebagai perihalan kekangan semantik antara elemen leksikal (Wagner & Mastropietro, 1996). Kekangan sedemikian menolak sebarang bentuk konstruksi ayat yang menunjukkan ciri anomali dari segi semantik seperti yang boleh dilihat menerusi contoh konstruksi ayat (1), iaitu "#Burung sedang berkhutbah". Secara logiknya, kata kerja tak transitif "berkhutbah" mestilah memilih subjek yang mempunyai fitur manusia, iaitu "khatib" seperti yang boleh dilihat menerusi contoh konstruksi ayat (2), iaitu "Khatib sedang berkhutbah". Hal ini bermakna subjek yang dipilih oleh kata kerja tak transitif "berkhutbah" yang mempunyai fitur selain daripada fitur manusia sememangnya akan ditolak. Di samping itu, sekatan pilihan juga turut menunjukkan keserasian semantik antara predikat dengan subjek. Keadaan ini ternyata jelas menunjukkan bahawa "berkhutbah" sememangnya tidak serasi dengan subjek seperti "burung" memandangkannya tidak mempunyai fitur manusia.

Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa pemberian makna pada peringkat semantik masih belum boleh dianggap sebagai pemberian makna yang lengkap (Jalaluddin, 1992; Oweleke, 2019) memandangkannya tidak dapat membezakan antara subjek "khatib" yang boleh dilihat menerusi contoh konstruksi ayat (2), iaitu "Khatib sedang berkhutbah" dengan subjek "emak" yang boleh dilihat menerusi contoh konstruksi ayat (3), iaitu "Emak sedang berkhutbah" walaupun "emak" juga sememangnya mempunyai fitur manusia. Keadaan ini ternyata jelas menunjukkan bahawa penggunaan fitur dalam memberi makna gagal menjelaskan penginterpretasian makna pada peringkat yang lebih besar daripada perkataan, malahan sekiranya sesuatu perkataan itu sendiri bersifat taksa, maka semantik gagal menginterpretasikannya (Jalaluddin, 1992). Apa yang pasti, walaupun pemilihan "emak" sebagai subjek oleh kata kerja tak transitif "berkhutbah" dalam contoh konstruksi ayat (3) ternyata jelas telah melanggar sekatan pilihan sama seperti contoh konstruksi ayat (1) tetapi contoh konstruksi ayat (3) tidak perlu ditandai dengan simbol tanda pagar atau *hashtag* (#) di hadapannya. Hal ini dikatakan demikian kerana simbol tanda pagar atau *hashtag* (#) yang hadir di hadapan sebarang bentuk konstruksi ayat melambangkan bahawa sesebuah konstruksi ayat itu sudah pun menyimpang jauh dari segi semantik dan sama sekali tidak dapat ditafsirkan lagi maknanya (Kroeger, 2005). Ketiadaan simbol tanda pagar di hadapan contoh konstruksi ayat (3) ternyata jelas menunjukkan bahawa fenomena pelanggaran sekatan pilihan tidak selalunya akan menghasilkan konstruksi ayat yang tidak gramatis dan juga tidak bermakna (Omego, Anyanwu, & Onyebuchulam, 2012). Sehubungan dengan itu, oleh sebab pemberian makna pada peringkat semantik sudah pun jelas terbukti masih belum boleh dianggap sebagai pemberian makna yang lengkap, maka ilmu semantik sememangnya perlu digandingkan

dengan ilmu pragmatik. Gandingan ilmu semantik dengan ilmu pragmatik dapat dilihat dengan jelas dan nyata melalui pengaplikasian Teori Relevans. Teori Relevans amat menekankan konteks. Tanpa konteks, makna yang diberi lebih bersifat awang-awangan dan hasilnya boleh mengelirukan. Penginterpretasian makna yang berlandaskan konteks mampu mencakupi penginterpretasian makna pada peringkat kata, frasa, klausu, dan ayat (Jalaluddin, 1992). Dalam erti kata yang lebih mudah, fenomena pelanggaran sekatan pilihan yang melibatkan contoh-contoh penggunaan kata kerja yang salah satunya boleh dilihat menerusi contoh konstruksi ayat (3), iaitu "Emak sedang berkhutbah" hanya dapat ditangani dengan sebaik-baiknya dengan memanfaatkan bidang ilmu pragmatik khususnya melalui pengaplikasian Teori Relevans yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1995).

Sorotan Kajian Lepas

Dawi (2010) menyatakan bahawa walaupun sudah begitu banyak kajian penguasaan bahasa yang pernah dilakukan, namun masih tidak ramai pengkaji yang melakukan kajian yang berkaitan dengan aspek penggunaan kata kerja dalam kalangan pelajar sedangkan dalam bahasa Melayu itu sendiri, kata kerja sememangnya sentiasa digunakan secara meluas memandangkannya mempunyai peranan yang amat penting dalam memberikan makna kepada sesebuah konstruksi ayat. Di samping itu, aspek golongan kata kerja juga merupakan salah satu aspek tatabahasa bahasa Melayu yang sememangnya perlu dipelajari dan dikuasai oleh para pelajar dengan sebaik yang mungkin. Tambah Dawi (2010) lagi, aspek golongan kata kerja juga merupakan bahagian yang paling besar dalam struktur sintaksis tatabahasa bahasa Melayu yang meliputi setiap konstituen yang terdapat dalam predikat sesebuah konstruksi ayat. Oleh itu, sudah semestinya aspek golongan kata kerja boleh dianggap sebagai aspek yang paling penting dalam konteks penguasaan bahasa Melayu secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa kajian lepas yang dilakukan oleh Dawi (2010) hanya membincangkan perihal tahap penguasaan bahasa para pelajar terhadap aspek penggunaan kata kerja yang hanya dikaitkan dengan faktor-faktor *extralinguistics* seperti masalah lupa, gangguan emosi, lalai, kurang latihan, dan sebagainya serta faktor kecacuan dan kekeliruan antara bahasa formal atau tidak formal yang berlaku semasa para pelajar mempelajari bahasa pertama.

Selanjutnya, pengkaji ingin menyentuh pula kajian lepas yang dilakukan oleh Jalaluddin dan Nopiah (2011). Apa yang pasti, walaupun hanya terdapat satu soalan yang berkaitan dengan aspek penggunaan kata kerja yang dikemukakan oleh Jalaluddin dan Nopiah (2011) melalui kajian mereka, namun pengkaji merasakan bahawa dapatan kajian daripada kajian lepas ini tetap perlu diberi perhatian yang serius. Hal ini dikatakan demikian kerana berbeza dengan kajian lepas yang dilakukan oleh Dawi (2010) yang didapati lebih memfokuskan usaha untuk menguji, mengukur, dan menilai tahap kecekapan tatabahasa (atau tahap penguasaan para pelajar dari aspek penggunaan kata kerja yang mendukung makna tersurat semata-mata) tetapi sebaliknya Jalaluddin dan Nopiah (2011) didapati telah memilih untuk memfokuskan usaha untuk menguji,

mengukur, dan menilai tahap kecekapan pragmatik (atau tahap penguasaan para pelajar dari aspek penggunaan kata kerja yang mendukung makna tersirat pula). Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa faktor-faktor yang menjadi penyebab atau punca kepada kelemahan tahap kecekapan pragmatik para pelajar tingkatan empat yang telah berjaya dicungkil atau dikenal pasti oleh Jalaluddin dan Nopiah (2011) sememangnya terbukti hampir sama dengan faktor-faktor yang menjadi penyebab atau punca kepada kelemahan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar yang telah berjaya dicungkil atau dikenal pasti oleh kajian-kajian lepas yang sedia ada termasuklah kajian lepas yang dilakukan oleh Dawi (2010) itu sendiri. Walau bagaimanapun, pengkaji berpendapat bahawa terdapat satu lagi faktor yang boleh menjadi penyebab atau punca kepada lemahnya tahap kecekapan pragmatik para pelajar tingkatan empat yang tidak dapat dicungkil atau dikenal pasti oleh Jalaluddin dan Nopiah (2011). Faktor yang dimaksudkan ialah faktor buku rujukan utama yang digunakan oleh para pelajar seperti yang pernah ditekankan oleh Sejo (2012) dan Wong dan Yeo (2018).

Sekiranya Dawi (2010) didapati lebih memfokuskan usaha untuk menguji, mengukur, dan menilai tahap kecekapan tatabahasa (atau tahap penguasaan para pelajar dari aspek penggunaan kata kerja yang mendukung makna tersurat semata-mata), manakala Jalaluddin dan Nopiah (2011) pula didapati telah memilih untuk memfokuskan usaha untuk menguji, mengukur, dan menilai tahap kecekapan pragmatik semata-mata (atau tahap penguasaan para pelajar dari aspek penggunaan kata kerja yang mendukung makna tersirat semata-mata) tetapi sebaliknya kajian lepas yang dilakukan oleh Abu Bakar, Jalaluddin, dan Mohamed Sultan (2019) didapati memfokuskan usaha untuk menguji, mengukur, dan menilai tahap kecekapan tatabahasa dan tahap kecekapan pragmatik secara sekali gus (atau tahap penguasaan para pelajar dari aspek penggunaan kata kerja yang mendukung makna tersurat dan makna tersirat secara sekali gus). Sebenarnya, kajian lanjutan ini merupakan kesinambungan daripada kajian lepas yang dilakukan oleh Abu Bakar et al. (2019). Hal ini dikatakan demikian kerana kajian lepas yang dilakukan oleh mereka didapati hanya melibatkan analisis kuantitatif atau inferensi semata-mata (kajian perbandingan punca dan kajian korelasi) tanpa melibatkan analisis kualitatif atau linguistik yang benar-benar mendalam yang berkaitan dengan contoh-contoh penggunaan kata kerja yang boleh melanggar sekatan pilihan.

Secara keseluruhannya, keadaan ini jelas menunjukkan bahawa perbincangan mengenai tahap penguasaan bahasa terutamanya dalam kalangan pelajar selalunya hanya dikaitkan dengan faktor-faktor persekitaran atau latar belakang seperti pengaruh faktor bahasa ibunda, faktor lokasi tempat tinggal, faktor lokasi sekolah, faktor jantina, faktor bangsa, dan sebagainya (Wong & Yeo, 2018). Hakikatnya, jarang sekali kita dapat melihat perbincangan tentang perkaitan antara tahap penguasaan bahasa dengan bahan-bahan rujukan yang digunakan seperti yang pernah juga dinyatakan oleh Mahmood dan Yunus (seperti yang dipetik dalam Wong & Yeo, 2018). Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan bukan semata-mata bertujuan untuk mengkaji perihal tahap penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar, bahkan pada masa yang sama, kajian ini juga sebenarnya turut memfokuskan usaha untuk mengkaji perihal kandungan yang

berkaitan denganuraian tentang aspek golongan kata kerja seperti yang terkandung dalam buku “tatabahasa pegangan”, iaitu Tatabahasa Dewan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, penilaian terhadap bahan-bahan rujukan utama yang akan digunakan merupakan prasyarat yang utama sebelum penilaian terhadap faktor-faktor pemerolehan bahasa yang lain seperti faktor guru, faktor murid atau pelajar, dan faktor persekitaran diambil kira (Sejo, 2012). Keutamaan yang perlu diberikan kepada usaha penilaian terhadap bahan-bahan rujukan yang sudah pun diketahui kewibawaan masing-masing sememangnya penting dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa (Sejo, 2012; Wong & Yeo, 2018). Keadaan sebegini boleh diibaratkan seperti peribahasa “Bagaimana acuan, begitulah kuihnya” yang secara tersiratnya dapat memanifestasikan perhubungan yang erat antara pembentuk dengan hasilnya. Tambah mereka berdua lagi, dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa, “pembentuk” ini bukan hanya dapat diasosiasikan dengan guru-guru terutamanya guru-guru Bahasa Melayu itu sendiri, bahkan bahan-bahan rujukan utama untuk mata pelajaran Bahasa Melayu itu sendiri juga didapati turut mampu mempengaruhi pembelajaran bahasa seseorang murid atau pelajar.

Sehubungan dengan itu, oleh sebab pengkaji sedar akan kepentingan peranan Tatabahasa Dewan sebagai buku “tatabahasa pegangan”, maka pengkaji merasakan bahawa sememangnya terdapat satu keperluan untuk melakukan kajian yang turut sama memfokuskan analisis kandungan terhadap Tatabahasa Dewan itu sendiri. Hal ini bagi melihat atau memastikan sejauh mana atau sejelas mana penguraian aspek golongan kata kerja oleh Tatabahasa Dewan mampu menepati kehendak pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu terutamanya apabila melibatkan contoh-contoh penggunaan kata kerja yang boleh juga mendukung makna tersirat. Alhasil, pengkaji mengharapkan supaya para pengguna bahasa Melayu khususnya murid-murid sekolah rendah dan juga para pelajar sekolah menengah akan mula menerima pendedahan dengan cara yang lebih berkesan tentang penggunaan bahasa mengikut konteks yang bukan hanya melibatkan maklumat linguistik, bahkan juga turut melibatkan maklumat bukan linguistik. Pada masa yang sama, guru-guru Bahasa Melayu juga diharapkan berupaya untuk mendedahkan dan mengajarkan contoh-contoh penggunaan kosa kata baharu berserta maknanya dalam berbagai-bagai konteks (Zainon Hamzah, 2010).

Metodologi Kajian

Kajian ini yang tergolong sebagai kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen. Analisis kandungan yang dilakukan adalah terhadap buku “tatabahasa pegangan”, iaitu Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga. Sementara itu, tinjauan yang dilakukan melalui borang soal selidik terhadap 96 orang pelajar tingkatan enam pula bertujuan untuk melihat keberkesanannya Tatabahasa Dewan dalam menghuraikan aspek golongan kata kerja memandangkannya hanya mengutamakan contoh-contoh penggunaan kata kerja yang mendukung makna tersurat semata-mata atau yang mematuhi sekatan pilihan sejak tiga dekad yang lalu. Dalam erti kata yang lebih mudah, kajian ini dilakukan

bagi mengungkai persoalan, iaitu adakah penghuraian aspek golongan kata kerja yang hanya memberikan tumpuan kepada contoh-contoh penggunaan kata kerja yang mendukung makna tersurat semata-mata atau yang mematuhi sekatan pilihan seperti yang termaktub dalam Tatabahasa Dewan sememangnya sudah memadai dalam membantu para pelajar tingkatan enam untuk menghasilkan konstruksi ayat dengan menggunakan 25 kata kerja yang terbukti boleh juga mendukung makna tersirat?

Daripada kesemua 25 kata kerja tersebut, 15 daripadanya ialah kata kerja tak transitif, manakala selebihnya pula ialah kata kerja transitif. Apa yang pasti, 15 kata kerja tak transitif yang didapati boleh juga mendukung makna tersirat terdiri daripada "berkhutbah", "bergetah", "bercinta", "bercambah", "berkubang", "berhingus", "berkarat", "berbisik", "berlakon", "berkerak", "berbisa", "bersinar", "berduri-duri", "bermuka-muka", dan "bertatih-tatih". Sementara itu, 10 kata kerja transitif yang didapati boleh juga mendukung makna tersirat pula terdiri daripada "menjeruk", "menabur", "membasuh", "meragut", "mengambil", "mencedok", "memotong", "menongkat", "mencurahkan" dan "membawa".

Teori Relevans dipilih berbanding teori-teori pragmatik yang lain disebabkan oleh kelebihan-kelebihan yang terdapat pada Teori Relevans itu sendiri. Antara kelebihannya ialah penginterpretasian makna yang sememangnya sentiasa menitikberatkan kewujudan konteks telah terbukti dapat membantu menyelesaikan fenomena atau masalah ketaksaan dan kekaburan makna (Jalaluddin, 1995). Lebih-lebih lagi, konteks itu sendiri kelazimannya dapat disesuaikan dengan berbagai-bagai interpretasi makna yang ingin disampaikan. Sementara itu, usaha untuk memahami sesuatu ujaran itu pula merupakan satu proses inferens yang mempunyai lingkungan makna yang luas (Subet, 2018). Selanjutnya, penerapan bidang semantik dan pragmatik dalam kajian tatabahasa sememangnya tidak dapat disangkal lagi kepentingannya. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak kajian yang telah dilakukan membuktikan bahawa pelbagai persoalan tatabahasa dapat ditangani dan diatasi dari sudut semantik dan pragmatik khususnya melalui pengaplikasian Teori Relevans. Perkembangan pesat kajian tatabahasa yang dilakukan di Barat menerusi pengaplikasian Teori Relevans khususnya selepas tahun 1986 jelas menunjukkan bahawa Teori Relevans dapat menangani sebarang bentuk persoalan yang timbul dari sudut tatabahasa khususnya apabila melibatkan masalah ketaksaan dan kekaburan ayat yang melibatkan aspek-aspek tatabahasa yang lain seperti kata nama, kata nafi, kata bantu, dan kata hubung (Hassan, 2011).

Oleh sebab Tatabahasa Dewan telah menetapkan bahawa kata kerja dapat diklasifikasikan kepada dua jenis yang utama, iaitu kata kerja tak transitif dan kata kerja transitif, maka hanya dua kata kerja juga yang akan dianalisis dan dibincangkan daripada 25 kata kerja yang telah dikenal pasti boleh juga mendukung makna tersirat dengan masing-masing mewakili setiap satu jenis kata kerja. Kedua-dua kata kerja yang dimaksudkan ialah kata kerja tak transitif "bergetah" dan kata kerja transitif "mencurahkan". Apa yang pasti, kewajaran pemilihan hanya dua kata kerja yang akan dianalisis dan dibincangkan telah ditetapkan berdasarkan kriteria bahawa penggunaan kedua-dua kata kerja tersebut yang boleh juga mendukung makna tersirat sebagai

antara contoh bahasa berkias Melayu yang paling mudah untuk digunakan dalam konstruksi ayat bahasa Melayu. Oleh itu, pengkaji mengandaikan bahawa kesemua tingkatan enam dapat menghasilkan konstruksi ayat dengan menggunakan kedua-dua kata kerja tersebut yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan betul. Ironinya, hasil daripada penilaian yang telah dilakukan jelas menunjukkan bahawa peratusan pelajar tingkatan enam yang gagal menghasilkan konstruksi ayat dengan menggunakan kedua-dua kata kerja tersebut yang dapat menunjukkan maksud tersirat masih juga mencatatkan peratusan yang agak tinggi.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Secara keseluruhannya, hasil penilaian tahap kecekapan pragmatik para pelajar tingkatan enam dari aspek penggunaan 25 kata kerja yang dapat menunjukkan maksud tersirat boleh dilihat menerusi Jadual 1 seperti yang dipaparkan di bawah ini.

Jadual 1

Penilaian Tahap Kecekapan Pragmatik Para Pelajar Tingkatan Enam

No. Soalan	Penilaian	
1. berkhutbah (Contoh jawapan, iaitu Emak sedang berkhutbah di dapur.)	Betul 14.6%	Salah 85.4%
2. bergetah (Contoh jawapan, iaitu Janda anak enam itu masih bergetah seperti anak dara.)	Betul 29.2%	Salah 70.8%
3. bercinta (Contoh jawapan, iaitu Kami sentiasa bercinta untuk pergi ke bank pada setiap awal bulan.)	Betul 2.1%	Salah 97.9%
4. bercambah (Contoh jawapan, iaitu Syarikat kerjasama semakin bercambah di Malaysia ini.)	Betul 3.1%	Salah 96.9%
5. berkubang (Contoh jawapan, iaitu Dada Firaun tempat iblis berkubang.)	Betul -	Salah 100%
6. berhingus (Contoh jawapan, iaitu Mahadi masih berhingus untuk menyandang jawatan tertinggi dalam syarikat konglomerat itu.)	Betul 16.7%	Salah 83.3%
7. berkarat (Contoh jawapan, iaitu Para pemimpin negara yang sudah pun berkarat.)	Betul 4.2%	Salah 95.8%
8. berbisik	Betul	Salah

(Contoh jawapan, iaitu Kedengaran angin malam berbisik melalui jendela kamar.)	-	100%
9. berlakon (Contoh jawapan, iaitu Aminah pandai berlakon di depan ibu mentuanya.)	Betul 35.4%	Salah 64.6%
10. berkerak (Contoh jawapan, iaitu Kolar kemeja Jamal berkerak.)	Betul 10.4%	Salah 89.6%
11. berbisa (Contoh jawapan, iaitu Mulut Qamariah memang berbisa.)	Betul 36.5%	Salah 63.5%
12. bersinar (Contoh jawapan, iaitu Nama Aina Abdul semakin bersinar dalam bidang seni suara di Malaysia.)	Betul 1.0%	Salah 99.0%
13. berduri-duri (Contoh jawapan, iaitu Kisah perjalanan hidup rakyat Palestin berduri-duri.)	Betul 5.2%	Salah 94.8%
14. bermuka-muka (Contoh jawapan, iaitu Amirah pandai bermuka-muka di depan rakan-rakannya.)	Betul 27.1%	Salah 72.9%
15. bertatih-tatih (Contoh jawapan, iaitu Hanafi masih bertatih-tatih dalam bidang keusahawanan.)	Betul 18.8%	Salah 81.3%
16. menjeruk (Contoh jawapan, iaitu Zaleha masih menjeruk rasa dengan sindiran ibu mentuanya.)	Betul 9.4%	Salah 90.6%
17. menabur (Contoh jawapan, iaitu Zaki cuba menabur fitnah terhadap rakan sekerjanya sendiri.)	Betul 41.7%	Salah 58.3%
18. membasuh (Contoh jawapan, iaitu Mariam ingin membasuh dosa demi keampunan Tuhan.)	Betul 4.2%	Salah 95.8%
19. meragut (Contoh jawapan, iaitu Kemalangan itu telah meragut dua nyawa.)	Betul 17.7%	Salah 82.3%
20. mengambil (Contoh jawapan, iaitu Faisal ingin mengambil angin di tepi pantai pada petang nanti.)	Betul 21.9%	Salah 78.1%
21. mencedok (Contoh jawapan, iaitu Kandungan program televisyen berkenaan mencedok bulat-bulat kandungan program televisyen di negara Barat.)	Betul 4.2%	Salah 95.8%
22. memotong (Contoh jawapan, iaitu Amin sering memotong kata-kata Yaakob sepanjang perbualan mereka.)	Betul 9.4%	Salah 90.6%

23. menongkat (Contoh jawapan, iaitu Kita semua tidak akan menongkat langit.)	Betul 2.1%	Salah 97.9%
24. mencurahkan (Contoh jawapan, iaitu Setiap ibu bapa akan terus mencurahkan kasih sayang kepada anak-anak mereka.)	Betul 42.7%	Salah 57.3%
25. membawa (Contoh jawapan, iaitu Joyah suka membawa mulut ke sana ke sini.)	Betul 17.7%	Salah 82.3%

Apa yang pasti, hasil daripada penilaian yang telah dilakukan jelas menunjukkan bahawa seramai 70.8% atau 68 orang pelajar didapati gagal menghasilkan konstruksi ayat dengan menggunakan kata kerja tak transitif “bergetah” yang dapat menunjukkan maksud tersirat. Sementara itu, seramai 57.3% atau 55 orang pelajar pula didapati gagal menghasilkan konstruksi ayat dengan menggunakan kata kerja transitif “mencurahkan” yang dapat menunjukkan maksud tersirat. Keadaan ini ternyata jelas menunjukkan bahawa kesan daripada aspek golongan kata kerja yang sejak sekian lama hanya dihuraikan secara semantik semata-mata sedikit sebanyak telah merendahkan tahap kecekapan pragmatik para pelajar tingkatan enam. Oleh sebab itulah, menerusi bahagian yang berikut ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk membantu para penulis Tatabahasa Dewan dalam memperbaik kelemahan yang masih terdapat pada penghuraian aspek golongan kata kerja dengan mengaplikasikan Teori Relevans.

Kata Kerja Tak Transitif “Bergetah”

Perhatikan dan teliti perbezaan yang terkandung dalam kelima-lima contoh konstruksi ayat di bawah ini yang dihasilkan dengan menggunakan kata kerja tak transitif *bergetah*.

- 4) Pokok itu bergetah.
- 5) Badan Ali bergetah kerana berpeluh.
- 6) Beberapa orang penduduk kampung pergi bergetah di hutan.
- 7) Janda anak enam itu masih bergetah seperti anak dara.
- 8) #Kucing betina itu masih bergetah.

Pada dasarnya, didapati bahawa kata kerja tak transitif “bergetah” yang digunakan dalam contoh konstruksi ayat (4), (5), dan (6) ternyata masih mematuhi rumus-rumus tatabahasa bahasa Melayu seperti yang telah ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan atau dalam erti kata yang lain masih mematuhi sekatan pilihan mengikut acuan teori tatabahasa yang berasaskan konsep Transformasi-Generatif. Sebaliknya, contoh konstruksi ayat (7) dan (8) sama sekali telah melanggar rumus-rumus tatabahasa Melayu seperti yang telah ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan atau dalam erti kata yang lain telah melanggar sekatan pilihan. Walau bagaimanapun, kata kerja tak transitif “bergetah” yang digunakan dalam contoh konstruksi ayat (7) didapati masih dapat diinterpretasikan makna yang selanjutnya tetapi sebaliknya tidak sama sekali bagi kata kerja tak transitif “bergetah” yang digunakan dalam contoh konstruksi ayat (8).

Hakikatnya, walaupun contoh konstruksi ayat (7) dan (8) masing-masing didapati telah melanggar sekitan pilihan, namun hanya contoh konstruksi ayat (8) yang boleh ditandai dengan simbol tanda pagar atau *hashtag* (#). Sehubungan dengan itu, Teori Relevans dalam bidang pragmatik dilihat dapat membantu pengkaji dalam usaha untuk mengungkai proses kognitif yang terlibat sepanjang laluan pendengar atau pembaca dalam mencari makna sebenar yang didukung oleh kata kerja tak transitif “bergetah” dalam contoh konstruksi ayat (7). Di samping itu, konsep *ad hoc* peluasan juga turut boleh dimanfaatkan dalam membantu proses pemahaman berlaku. Kedua-dua proses kognitif ini diyakini dapat membantu menyelesaikan masalah ketaksaan dan kekaburuan makna dan seterusnya mencungkil makna sebenar yang melibatkan contoh konstruksi ayat (7).

Proses pengekodan merupakan proses pertama yang terlibat dalam usaha untuk menginterpretasikan makna kata kerja tak transitif “bergetah” yang digunakan dalam contoh konstruksi ayat (7). Ujaran eksplisit itu dianggap sebagai rujukan kasar bagi pendengar atau pembaca untuk memahami hajat penutur. Dalam contoh konstruksi ayat (7), pendengar atau pembaca akan mengenod konsep BERGETAH sebagai fokus untuk memahami makna sebenar “bergetah”. BERGETAH dalam entri ensiklopedia akan membekalkan maklumat tentang gambaran umum, bentuk fizikal atau ciri-ciri bergetah kepada pendengar atau pembaca. Pengekodan peringkat kata untuk kata kerja tak transitif “bergetah” ini tidak memberikan maklumat yang mencukupi kepada pendengar atau pembaca, lantas pendengar atau pembaca berkemungkinan terpaksa mengenod konsep [BERGETAH] yang diterjemahkan ke dalam bentuk logiknya sebagai mempunyai (mengandungi) getah. Penginterpretasian makna tidak terhenti setakat itu sahaja kerana pendengar atau pembaca mengetahui bahawa rujukan kamus menerusi Kamus Pelajar Edisi Kedua (2015) telah menjelaskan bahawa BERGETAH merupakan kiasan yang menggambarkan sifat-sifat yang ada pada wanita, iaitu menarik dan menggiurkan (berkenaan bentuk badan, cara berpakaian, dan sebagainya, tentang wanita). Dari perspektif Teori Relevans, pendengar atau pembaca akan memanfaatkan prosedur pemahaman Teori Relevans bagi memastikan bahawa usaha memproses maklumat adalah rendah tetapi pendengar atau pembaca masih perlu mendapatkan kesan kognitif yang tinggi dengan memilih interpretasi yang dapat memuaskan jangkaan relevan yang dapat dijangkakan sebagai hasrat sebenar penutur. Oleh itu, pendengar atau pembaca perlu mengaplikasikan konsep *ad hoc* peluasan apabila pendengar atau pembaca perlu meneruskan proses pemahaman yang disebabkan oleh contoh konstruksi ayat (7) merupakan ujaran yang mengandungi implikatur. Kandungan eksplisit digabungkan dengan konteks bagi mendapatkan implikatur. Konsep [BERGETAH] diluaskan kepada [BERGETAH*]. Dalam [BERGETAH*], konsep menarik dan menggiurkan ditambah. Dalam hal ini, andaian-andaian akan terus diakses dan masih menjadi rujukan utama untuk membentuk andaian-andaian implikatur yang relevan dengan ujaran yang berkenaan. Selanjutnya, pendengar atau pembaca haruslah merujuk konteks ayat bagi memastikan ketepatan andaian-andaian implikatur yang dibina. Konteks ujaran merujuk kepada penilaian yang dibuat terhadap seorang janda yang didapati walaupun sudah pun mempunyai seramai enam orang anak tetapi dirinya tetap atau sentiasa kelihatan lebih

muda daripada umurnya yang sebenar. Rentetan daripada proses ini, beberapa andaian implikatur dapat dibina yang seterusnya dapat dijadikan sebagai rujukan untuk mencari makna sebenar “bergetah” seperti yang berikut:

- 1) Janda anak enam itu masih bergetah seperti anak dara.
- 2) Wanita yang sudah pun berumur tetapi masih kelihatan menarik dan menggiurkan.
- 3) Wanita yang sudah pun berumur tetapi tidak kelihatan tua.
- 4) Wanita yang sudah pun berumur tetapi masih kelihatan muda.*

Dalam usaha untuk memahami kata kerja tak transitif “bergetah” yang digunakan dalam contoh konstruksi ayat (7), andaian-andaan yang terdapat dalam konsep yang dienkod banyak membantu membentuk konsep *ad hoc* yang baharu. Kelazimannya, [BERGETAH*] hanya akan memfokuskan ciri-ciri luaran atau fizikal wanita. Oleh itu, Jadual 2 di bawah ini merupakan rumusan daripada analisis kata kerja tak transitif “bergetah” yang mendukung makna tersirat.

Jadual 2

Rumusan Analisis Kata Kerja Tak Transitif Bergetah yang Mendukung Makna Tersirat

Kata Kerja	Bentuk Logik	Andaan Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Makna Sebenar	Konsep <i>Ad Hoc</i>
kata kerja tak transitif <i>bergetah</i>	mempunyai (mengandungi) getah	1. Wanita yang sudah pun berumur tetapi tidak kelihatan tua. 2. Wanita yang sudah pun berumur tetapi masih kelihatan muda.	awet muda	memuji atau menyindir	peluasan

Secara ringkasnya, maksud “bergetah” seperti yang terkandung dalam contoh konstruksi ayat (7) mengikut Teori Relevans akan sentiasa mengambil kira konteks penggunaannya dan juga konteks budaya. Hal ini bermakna dalam konteks bahasa harian, sesuatu perkataan yang lazim digunakan tidak selalunya akan membawa maksud asalnya tetapi sebaliknya boleh membawa maksud yang lain bergantung pada penggunaannya. Oleh sebab itulah, pragmatik leksikal telah dikenal pasti sebagai suatu subtopik pragmatik yang semakin berkembang saban hari. Hal ini dapat dilihat menerusi pertambahan bukti perubahan maksud sesuatu perkataan yang boleh berlaku secara automatik dan ada kalanya, sesuatu perkataan itu jarang membawa maksud asalnya (Subet, 2018). Hal ini jelas menunjukkan bahawa kepentingan strategi pemahaman makna perkataan berasaskan konteks penggunaan ternyata dapat membantu murid-murid sekolah rendah dan juga para pelajar sekolah menengah untuk memahami makna

sesuatu perkataan yang diajarkan terutamanya bagi mana-mana perkataan yang boleh mendukung makna dua lapis. Sebenarnya, pengkaji mendapati bahawa kata kerja tak transitif “bergetah” yang digunakan dalam contoh konstruksi ayat (7) boleh juga dikategorikan sebagai kiasan melarat. Kiasan melarat merujuk kepada kiasan daripada perkataan yang sudah pun menyimpang jauh daripada maksud asal perkataan tersebut (Goay & Choo, 2003). Pada masa yang sama, kata kerja tak transitif *bergetah* yang boleh juga dikategorikan sebagai kiasan melarat seterusnya boleh juga diklasifikasikan sebagai *grammatical idioms* berpandukan huriahan yang pernah dikemukakan oleh Fillmore, Kay, dan O'Connor (1988). Hal ini ternyata jelas membuktikan bahawa makna untuk sesuatu rangsangan bahasa bukan hanya boleh dianalisis secara semantik, bahkan pada masa yang sama, makna untuk sesuatu rangsangan bahasa itu boleh juga dianalisis secara pragmatik (Hamid, 2006). Walau bagaimanapun, jurang antara rumus terjemahan semantik linguistik dengan rumus tafsiran semantik yang kosong hanya dapat diisi oleh pragmatik dan konteks (Hassan, 2011).

Apa yang lebih menariknya tentang contoh konstruksi ayat (7) ialah konstruksinya tetap mematuhi rumus-rumus tatabahasa bahasa Melayu seperti yang telah ditetapkan oleh Tatabahasa Dewan. Dalam erti kata yang lebih mudah, contoh konstruksi ayat yang mengandungi kata kerja *bergetah* yang mendukung makna tersirat didapati tetap mematuhi sekatan gramatis atau *grammatical restrictions*. Pada dasarnya, konsep sekatan gramatis ini pernah dibahaskan oleh Palmer (1976). Oleh hal yang demikian, Jadual 3 dan Jadual 4 seperti yang dipaparkan di bawah ini dapat menunjukkan bahawa contoh konstruksi ayat (7) sememangnya tetap mematuhi sekatan gramatis memandangkan boleh memenuhi setiap peringkat hierarki tatabahasa sama seperti contoh konstruksi ayat (4).

Jadual 3

Contoh Analisis Penggunaan Kata Kerja Tak Transitif Bergetah yang Mendukung Makna Tersirat Berdasarkan Hierarki Tatabahasa

AYAT	Pokok itu bergetah.		
KLAUSA	pokok itu bergetah		
FRASA	pokok itu		bergetah
PERKATAAN	pokok	itu	bergetah

Jadual 4

Contoh Analisis Penggunaan Kata Kerja Tak Transitif Bergetah yang Mendukung Makna Tersirat Berdasarkan Hierarki Tatabahasa

AYAT	Janda anak enam itu masih bergetah seperti anak dara.								
KLAUSA	janda anak enam itu masih bergetah seperti anak dara								
FRASA	janda anak enam itu			masih bergetah			seperti anak dara		
PERKATAAN	janda	anak	enam	itu	masih	ber- getah	seperti	anak	dara

Kata Kerja Transitif Mencurahkan

Perhatikan dan teliti perbezaan yang terkandung dalam ketiga-tiga contoh konstruksi ayat di bawah ini yang dihasilkan dengan menggunakan kata kerja transitif “mencurahkan”.

1. Ayah mencurahkan air ke longkang.
2. Setiap ibu bapa akan terus mencurahkan kasih sayang kepada anak-anak mereka.
3. #Saya ingin mencurahkan diri ke dalam bidang perniagaan.

Pada dasarnya, didapati bahawa kata kerja transitif *mencurahkan* yang digunakan dalam contoh konstruksi ayat (9) ternyata masih mematuhi rumus-rumus tatabahasa bahasa Melayu seperti yang telah ditetapkan oleh *Tatabahasa Dewan* atau dalam erti kata yang lain masih mematuhi sekatan pilihan. Sebaliknya, contoh konstruksi ayat (10) dan (11) sama sekali telah melanggar rumus-rumus tatabahasa bahasa Melayu seperti yang telah ditetapkan oleh *Tatabahasa Dewan* atau dalam erti kata yang lain telah melanggar sekatan pilihan. Walau bagaimanapun, kata kerja transitif “mencurahkan” yang terkandung dalam contoh konstruksi ayat (10) didapati masih dapat diinterpretasikan makna yang selanjutnya tetapi sebaliknya tidak sama sekali bagi kata kerja transitif “mencurahkan” yang terkandung dalam contoh konstruksi ayat (11). Walaupun kata kerja transitif “mencurahkan” yang digunakan dalam contoh konstruksi ayat (10) boleh mengalami pelanggaran sekatan pilihan sememangnya sudah terbukti boleh juga tergolong sebagai kiasan melarat, namun apa yang menarik perhatian ialah konstruksi ayat tersebut sama sekali tidak menunjukkan unsur ketaksaan atau *ambiguity*. Dalam erti kata yang lebih mudah, penggunaan kata kerja transitif “mencurahkan” dalam contoh konstruksi ayat (10) telah menunjukkan penggunaan yang biasa atau lazim sehingga tidak kelihatan lagi cirinya sebagai kiasan melarat. Bornstein (1977) menyatakan bahawa kadangkala penggunaan sesetengah metafora tidak lagi dianggap sebagai pelik memandangkannya telah diterima sebagai kebiasaan dalam berbahasa seperti kata kerja “fly” yang digunakan dalam *The bird flew out of its nest* dan *The woman flew out of the room in a rage*. Hakikatnya, keadaan inilah yang telah menyebabkan pengkaji terlalu yakin bahawa kesemua pelajar tingkatan enam dapat menghasilkan konstruksi ayat dengan menggunakan kata kerja transitif “mencurahkan” yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan betul.

Ironinya, walaupun kata kerja transitif “mencurahkan” yang digunakan sebagai kiasan melarat dalam contoh konstruksi ayat (10) boleh dianggap sebagai antara contoh bahasa berkias yang paling mudah untuk dicerna maknanya memandangkannya didapati lebih mudah untuk difahami oleh kanak-kanak dan lebih cepat diproses oleh orang dewasa (Baba, 2015) tetapi sebaliknya, hanya seramai 42.7% atau 41 orang pelajar tingkatan enam yang dapat menghasilkan konstruksi ayat dengan menggunakan kata kerja transitif “mencurahkan” yang dapat menunjukkan maksud tersirat dengan betul. Keadaan ini ternyata jelas membuktikan bahawa selama lebih tiga dekad

penerbitannya, Tatabahasa Dewan didapati hanya mengutamakan atau memfokuskan penghuraian contoh-contoh penggunaan kata kerja transitif yang mematuhi sekatan pilihan. Di samping itu, keadaan ini juga ternyata jelas membuktikan bahawa huraian tentang aspek golongan kata kerja seperti yang telah dikemukakan oleh Tatabahasa Dewan masih belum mapan atau mantap sepenuhnya. Secara eksplisit, kata kerja transitif “mencurahkan” yang digunakan sebagai kiasan melarat dalam contoh konstruksi ayat (10) sememangnya amat mudah untuk diberi maknanya oleh semua penutur bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana dari sudut kognitif, penggunaan kata kerja transitif “mencurahkan” sebagai kiasan melarat dapat menjimatkan proses mental kerana satu adegan yang berkaitan dengan satu peristiwa dalam minda kita dapat digambarkan dengan hanya merujuk satu peristiwa atau fakta yang lain secara tidak langsung (Ho Abdullah, 2011; Baba, 2015). Walau bagaimanapun, oleh sebab kegagalan seramai 57.3% atau 55 orang pelajar tingkatan enam menghasilkan konstruksi ayat dengan menggunakan kata kerja transitif “mencurahkan” yang dapat menunjukkan maksud tersirat, maka pengkaji merasakan bahawa analisis dan perbincangan tentang proses mencari makna sebenar kiasan melarat ini tetap perlu juga ditunjukkan memandangkannya juga adalah antara bahagian penting daripada bahasa berkias Melayu (Baba, 2015).

Pendengar atau pembaca akan mengenod konsep [MENCURAHKAN KASIH SAYANG] sebagai proses pertama pemahamannya. Rumus logik yang terhasil daripada pemahaman peringkat semantik ini berkemungkinan menjelaskan bahawa [MENCURAHKAN KASIH SAYANG] merujuk kepada mencurangkan, menuang (menyimburkan, melimpahkan, menumpahkan) dengan banyaknya. Dari perspektif Teori Relevans, prosedur pemahaman Teori Relevans akan dimanfaatkan oleh pendengar atau pembaca bagi memastikan bahawa rendahnya usaha memproses maklumat tetapi sebaliknya tinggi dari segi kesan kognitifnya yang sememangnya masih perlu diperoleh dengan memilih interpretasi yang dapat memuaskan jangkaan relevan yang dapat dijangkakan sebagai hasrat sebenar penutur. Oleh sebab contoh konstruksi ayat (10) merupakan ujaran yang mempunyai makna implisit, maka pendengar atau pembaca akan mengaplikasikan konsep *ad hoc* peluasan apabila pendengar atau pembaca perlu meneruskan proses pemahaman. Kandungan eksplisit digabungkan dengan konteks bagi mendapatkan implikatur. Konsep [MENCURAHKAN KASIH SAYANG] diluaskan kepada [MENCURAHKAN KASIH SAYANG*]. Dalam [MENCURAHKAN KASIH SAYANG*], konsep memberi banyak-banyak ditambah. Dalam hal ini, andaian-andaian terus diakses dan masih menjadi rujukan utama untuk membentuk andaian-andaian implikatur yang relevan dengan ujaran yang berkenaan. Seterusnya, pendengar atau pembaca perlu merujuk konteks ayat bagi memastikan ketepatan andaian-andaian implikatur yang dibina. Konteks ujaran merujuk kepada usaha setiap ibu bapa yang sentiasa sedaya upaya mencuba untuk memberikan kasih sayang yang sebanyak-banyaknya kepada anak-anak mereka. Sehubungan dengan itu, beberapa andaian implikatur pun dapat dibina yang seterusnya dapat dijadikan sebagai rujukan dalam usaha untuk mencari makna sebenar “mencurahkan kasih sayang” seperti yang berikut:

- 1) Setiap ibu bapa akan sentiasa mencerahkan kasih sayang kepada anak-anak mereka.
- 2) Setiap ibu bapa berperanan memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada anak-anak.
- 3) Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak tidak boleh berkurangan walau sedikit pun sampai bila-bila.
- 4) Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak sememangnya tidak bertepi.*

Apa yang pasti, dalam usaha untuk memperoleh maksud sebenar “mencerahkan kasih sayang”, pendengar atau pembaca dibantu oleh kesemua andaian kontekstual dan pengetahuan latar belakang (*background knowledge*). Oleh itu, Jadual 5 di bawah ini merupakan rumusan daripada analisis kata kerja transitif *mencerahkan* yang mendukung makna tersirat.

Jadual 5

Rumusan Analisis Kata Kerja Transitif Mencerahkan (Kasih Sayang) yang Mendukung Makna Tersirat

Kata Kerja	Bentuk Logik	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur	Makna Sebenar	Konsep Ad Hoc
kata kerja transitif <i>men-</i> <i>curahkan</i>	mengeluarkan banyak-banyak	1. Setiap ibu bapa berperanan memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada anak-anak. 2. Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak tidak boleh berkurangan walau sedikit pun sampai bila-bila.	Kasih sayang ibu bapa terhadap anak-anak sememangnya tidak bertepi.	ikrar	peluasan

Seterusnya, apa yang menariknya tentang kata kerja transitif “mencerahkan” yang digunakan dalam contoh konstruksi ayat (10) yang boleh mengalami pelanggaran sekatan pilihan ini ialah kehadirannya tetap mematuhi rumus-rumus tatabahasa bahasa Melayu. Dalam erti kata yang lebih mudah, konstruksi ayat tersebut didapati tetap mematuhi sekatan gramatis. Di samping itu, pengkaji juga turut mendapati bahawa kata kerja transitif “mencerahkan” yang digunakan dalam contoh konstruksi ayat (10) yang

boleh mengalami pelanggaran sekatan pilihan sama sekali tidak mengalami sekatan sintaktik atau *syntactic restrictions* seperti yang pernah dibahaskan oleh F. R. Palmer (1976). Hal ini bermakna contoh konstruksi ayat (10) boleh dipasifkan sama seperti contoh konstruksi ayat yang mematuhi sekatan pilihan, iaitu konstruksi ayat (9). Buktiya adalah seperti yang berikut:

- 9) Kasih sayang akan terus dicurahkan oleh setiap ibu bapa kepada anak-anak mereka.
- 10) Kasih sayang akan terus dicurahkan ø setiap ibu bapa kepada anak-anak mereka.
- 11) Kasih sayang akan terus dicurahkan kepada anak-anak mereka oleh setiap ibu bapa.
- 12) *Kasih sayang akan terus dicurahkan kepada anak-anak mereka ø setiap ibu bapa.

Kesimpulan

Sebagai rumusan, hasil daripada analisis yang telah dilakukan jelas membuktikan bahawa pendekatan semantik dan pragmatik melalui pengaplikasian Teori Relevans merupakan satu pendekatan yang dapat digunakan untuk menganalisis dan memahami contoh-contoh penggunaan kata kerja yang boleh juga mendukung makna tersirat atau yang boleh juga melanggar sekatan pilihan. Hal ini bermakna ilmu semantik sememangnya mesti digandingkan dengan ilmu pragmatik memandangkan pada peringkat semantik, pemberian makna yang lengkap masih belum dapat dicapai. Hal ini juga turut disokong oleh Lyons dan beliau berpendapat bahawa ahli-ahli semantik harus menerima kenyataan atau hakikat yang sebenar bahawa terdapat makna yang dikodkan oleh sesuatu leksikal atau struktur tatabahasa dalam sesuatu konstruksi ayat yang gagal ditangani oleh mereka (Hassan, 2011). Tambah Hassan (2011) lagi, berdasarkan kenyataan yang dikemukakan oleh Lyons, ternyata jelaslah bahawa ilmu semantik sememangnya memerlukan bantuan ilmu pragmatik bagi menghasilkan analisis makna yang lebih mendalam dan sempurna. Hal ini dikatakan demikian kerana sudah pun jelas terbukti bahawa semantik tidak dapat menangani elemen-elemen bukan linguistik yang merupakan maklumat tambahan bagi menginterpretasikan makna yang dapat ditangani oleh ilmu pragmatik. Dari sudut Teori Relevans, semantik dan pragmatik ternyata berbeza dan perbezaan ini adalah dari segi proses kognitif yang berlaku dalam proses penginterpretasian sesuatu ujaran, iaitu pengekodan dan inferens. Oleh sebab itulah, keadaan ini sememangnya menuntut usaha penilaian dilakukan terhadap buku "tatabahasa pegangan", iaitu Tatabahasa Dewan itu sendiri seperti yang pernah disarankan oleh Jalaluddin, Ahmad, dan Aman (2004), Abdullah (2007), dan Ahmad (2013).

Apa yang pasti, tokok tambah dalam Tatabahasa Dewan diyakini akan dapat mengukuhkan lagi kredibiliti dan kewibawaannya sebagai buku "tatabahasa pegangan". Pula, buku ini sememangnya sangat berguna kepada para pengguna bahasa Melayu

khususnya murid-murid sekolah rendah dan juga para pelajar sekolah menengah memandangkan buku ini dapat mendekatkan lagi diri mereka dengan “dunia” bahasa Melayu di samping matlamat utama untuk mempertingkatkan kemahiran berbahasa dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Mohd. Rasidi, 2000). Sehubungan dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa penghuraian aspek golongan kata kerja yang dikemukakan oleh Tatabahasa Dewan sememangnya perlu ditambah baik dengan turut sama memasukkan input-input baharu yang telah diperoleh oleh kajian ini. Oleh itu, para penulis Tatabahasa Dewan semestinya mengambil inisiatif dalam melakukan kerja-kerja pembetulan atau penambahan selari dengan penemuan input-input baharu dalam bidang tatabahasa (Mohd. Rasidi, 2000). Kini, sudah tiba masanya juga untuk komponen pragmatik turut diajarkan dan didedahkan secara formal menerusi Tatabahasa Dewan sama seperti komponen morfologi, komponen sintaksis, dan komponen semantik. Hal ini dikatakan demikian kerana sudah pun jelas terbukti bahawa konteks ujaran yang melibatkan elemen-elemen bukan linguistik tidak mampu dijelaskan oleh teori-teori tatabahasa yang andal termasuklah Teori Transformasi-Generatif itu sendiri tetapi sebaliknya dapat ditangani dengan sebaik-baiknya oleh teori pragmatik yang satu ini, iaitu Teori Relevans (Abu Bakar et al., 2019).

Rujukan

- Abu Bakar, K. T., Jalaluddin, N. H, & Mohamed Sultan, F. M. (2019). Golongan kata kerja: Korelasi antara kecekapan tatabahasa dengan kecekapan pragmatik dalam kalangan remaja Malaysia. *Jurnal Linguistik*, 23(1), 70-101.
- Ahmad, Z. (2013). *Nahu praktis bahasa Melayu: Menangani kepelbagaiannya, mencari keserasian*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baba, H. (2015). *Bahasa berkias dan nilai Melayu: Analisis pragmatik* [Unpublished Doctoral Thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia].
- Bornstein, D. D. (1977). *An introduction to transformational grammar*. University Press of America.
- Dawi, N. F. (2010). *Penguasaan kata kerja dalam kalangan pelajar bachelors sastera Universiti Putra Malaysia* [Unpublished Masters Thesis, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Malaysia].
- Fillmore, J. C., Kay, P., & O' Connor, M. C. (1988). Regularity and idiomacticity in grammatical constructions: The case of let alone. *Language*, 64(3), 501-538.
- Goay, T.C., & Choo, S. T. (2003). *Teks pra-u: Bahasa Melayu kertas 1*. Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Hamid, Z. (2006). *Aplikasi psikolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa: Siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Hassan, H. (2011). *Kata hubung dan dan tetapi dari sudut pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ho Abdullah, I. (2011). Analisis kognitif semantik peribahasa Melayu bersumberkan anjing (*canis familiaris*). *GEMA Online™ Journal Language Studies*, 11(1), 125-141.
- Jalaluddin, N. H. & Nopiah, J. (2011). Penguasaan tatabahasa remaja Malaysia: Analisis pragmatik. *Jurnal Bahasa*, 11(1), 63-82.
- Jalaluddin, N. H. (1992). Ganti nama Melayu Sarawak: Analisis teori linguistik. *Akademika*, 40(1), 19-38.
- Jalaluddin, N. H. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H. (1995). Fungsi dan pola ganti nama Melayu: Satu interpretasi semantik dan pragmatik. *AKADEMIKA*, 47, 85-99.
- Jalaluddin, N. H. (2007). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalaluddin, N. H., Ahmad, Z., & Aman, I. (2004). Penguasaan bahasa Melayu oleh pelajar Melayu dalam arus globalisasi. *Jurnal Bahasa*, 4(1), 63-95.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S, Onn, F. M, Musa, H., & Mahmood, A. H. (2009). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Rasidi, R. (2000). *Penilaian penulisan buku tatabahasa bahasa Melayu: Satu analisis ‘teori’ atqakum* [Unpublished Masters Thesis], Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Omego, C., Anyanwu, O., & Onyegbuchi, A. (2012). Verb-noun (object) selectional restriction in Ebughu. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(11), 2226-2238. <https://doi.org/10.4304/tpls.2.11.2226-2238>
- Oweleke, E. (2019). Aspects of the semantics and pragmatics of verb-noun selection restrictions in Igbuzo-Igbo. *AFREV*, 13(2), 120-130. <http://dx.doi.org/10.4314/afrrev.v13i2.10>
- Palmer, F. R. (1976). *Semantics: A new outline*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sejo, M. Z. (2012). *Penekanan ilmu morfologi dalam buku teks bahasa Arab KBSM*. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012, Bangi, Malaysia.
- Singer, R. (2016). *The dynamics of nominal classification: Productive and lexicalised uses of gender agreement in Mawng*. Jerman: Walter de Gruyter Inc.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Subet, M. F. (2018). Analisis teori relevans dalam metafora. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 159-188.
- Wagner, A., & Mastropietro, M. (2017, April 9). Collecting and employing selectional restrictions. Technical report. <https://www.semanticscholar.org/paper/Collecting-and-Employing-Selectional-Restrictions-Wagner-Mastropietro/635a2d1878fc4f5aa57cf6bbc10aae7bd4a0ddeb#references>
- Wong, S. H. & Yeo, S. K. (2018). Percanggahan pendapat aspek tatabahasa: Perbandingan antara bahan rujukan bahasa Melayu. *PENDETA Journal of Malay*

- Language, Education and Literature*, 9, 16-31.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol9.2.2018>
- Zainon Hamzah, Z. A. (2010). Pemantapan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah. *Jurnal Linguistik*, 10, 63-82.

THE LANGUAGE ECOLOGY OF GRADUATE STUDENTS: AN EXPLORATION THROUGH VOCABULARY CONTRIBUTION

Daron Benjamin LOO

Centre for English Language Communication, National University of Singapore
elcdbl@nus.edu.sg

Manuscript received 6 September 2021

Manuscript accepted 14 December 2021

<https://doi.org/10.33736/3903.2021>

ABSTRACT

This study explores the language ecology of graduate students through vocabulary contribution. Understanding students' learning ecology may be done through the identification of pertinent sociomaterial networks with which students engage to initiate or complement learning. This study was set in an academic writing module taught by the researcher. An open invitation was extended to his students to contribute any vocabulary they encountered outside of his classroom. Along with the vocabulary contribution, students also had to provide the excerpt where the word occurred and the source-type. Contributions were made on an online Excel file. There was a total of 277 contributions made, of which 259 were unique (229 words and 30 unique strings of words). Students' contributions of strings of words were not anticipated. A majority of these contributions came from academic sources, such as research articles or book chapters, which may be a pertinent aspect of the graduate students' language ecology. Through the findings, it is recommended that English for academic purposes (EAP) or English for specific purposes (ESP) instructors identify language ecologies found in the broader university setting to glean relevant pedagogical materials that can support students' language development.

Keywords: Learning ecology; vocabulary; academic socialisation

Introduction

In recent times, there have been calls for research on students' language development to take into account engagement with social or material entities found beyond the formal classroom (Guerrettaz et al., 2021). These calls are premised on the view that an educational institution, regardless of level, presents a dynamic ecology where an array of learning opportunities may be found. Acknowledging a dynamic ecology signifies a move away from the perception that language development can take place in a stable and laboratory-like setting, such as the classroom, where the language instructor introduces interventions to improve students' communication ability (McKinley, 2019; Rose, 2019). By taking the stance that language development can take place in a dynamic setting, it becomes feasible to consider language knowledge and skills as having transformative possibilities, instead of simply transmitted from instructor to student. Whilst there is a growing acceptance that the processes and output of learning should be dynamic, such as that reported by Tarrayo et al. (2021), there remains a research gap, especially with regards to how an ecology of language learning in the university setting looks like.

For graduate students, it is crucial to understand how language development may be facilitated by settings outside of a formal classroom, especially since these students are expected to progressively socialise into their respective disciplinary circles. According to Morita (2004), academic socialisation "is not simply a matter of acquiring pre-given knowledge and sets of skills but involves a complex process of negotiating identities, cultures, or power relations" (pp. 574-575). The process of academic socialisation is further complicated by the need for students to meet university requirements and to cope with the disciplinary expectations of a developing scholar (Seloni, 2012). Unfortunately, opportunities for graduate students to engage in learning processes supportive of their disciplinary socialisation may be restricted due to the prevailing deficient approach in the teaching of English for academic purposes (EAP) (Belcher, 2006; Loo & Sairattanain, 2021; Wingate & Tribble, 2012). This could be partially due to the prevailing gaps in knowledge regarding the language experiences of graduate students in their studies, especially informal learning experiences (Tobbell & O'Donnell, 2013). Hence, to address the gaps concerning the learning ecology and the language experiences of graduate students as well as to counter the deficient approach in EAP pedagogy, this study aims to explore graduate students' engagement with the English language through their contribution of vocabulary encountered beyond an EAP course. Besides illuminating the educational ecology of graduate students, this study also hopes to reveal that language development does not comprise simple pedagogical recipes (Mercer, 2011).

Habitus: Learning Ecology as Dynamic

According to Smith (2003), it is useful to understand a learning ecology by referring to Bourdieu's (1990) discussion of habitus. In brief, habitus is conceptualised as a

sociocultural-constructivist structure embedded within society or a setting. This structure informs how meanings may be constructed and understood and can be potentially reconfigured to accommodate potential sociocultural shifts (Reay, 2004). Habitus exists at different levels of society, such as at the community level, at home, at the workplace between colleagues, and even in educational institutions. In the context of educational institutions, Smith (2003) discusses schools as settings that provide a habitus with the propensity to inform how students, teachers, and other school personnel should think and act, yet at the same time, the habitus found in a school setting may be continually re-constructed. In other words, the habitus of an educational setting will shape the understanding and the implementation of teaching and learning practices, as well as the perception towards educational artifacts. As such, pedagogical processes that are typically seen as being a convention in a particular education setting might be perceived differently in another socioculturally distinct educational setting. This problematises what may be considered good educational practice, because what may be valued in a particular setting may be received otherwise in another (Gourlay, 2017).

Essentially, viewing learning as taking place in an ecology consisting of social and material entities that are valued differently diminishes the perception that knowledge is the product of a linear or two-way transaction. Instead, what is proposed is the “conception of the learning environment as a complex adaptive system, of the mind as the totality of relationships between a developing person and the surrounding world, and of learning as the result of meaningful activity in an accessible environment” (van Lier, 1997, p. 783). By residing in an educational ecology, students need to hone skills to interact with different social and material entities. This interaction, however, does not necessarily yield a definite educational product or academic achievement; instead, students may hone what van Lier (1997) refers to as affordances, which are “signs that acquire meaning and relevance as a result of purposeful activity and participation by the learner and the perceptual, cognitive, and emotional engagement that such activity stimulates” (van Lier, 1997, p. 783). This is demonstrated by a study by Peters and Romero (2019), where affordances in a distance online education setting were demonstrated through different types of engagement, such as identifying social networks where educational support may be found, or the linking of various educational and professional tasks for the purpose of knowledge or skill transfer and application. These engagements were deemed crucial as they continuously shaped the agency and motivation of the students throughout their educational journey (Jiang & Zhang, 2019).

Development of Language in the University Ecology

Being aware of the network of meanings present in an ecology requires students to have symbolic competence. Krämer and Whiteside (2008) discuss that symbolic competence comes from the “acute ability to play with various linguistic codes and with the various spatial and temporal resonances of these codes” (p. 664). In a university setting, these linguistic codes can come in the form of distinct languages spoken, which

